




LAPORAN TAHUNAN **2017 »**

Annual Report



ACCELERATING
INNOVATION

» ISI KANDUNGAN

Table of contents

Wawasan, Matlamat & Objektif Vision, Mission & Objectives	04
Akta AIM 2010 AIM Act 2010	05
Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif AIM Statement by Chief Executive Officer AIM	06
Pengurusan AIM AIM Management	12
Carta Organisasi Organisation Chart	14
Innovating Malaysia Innovating Malaysia	16



INISIATIF-INISIATIF

Initiatives

22

- Menyemai Budaya Berfikir**
Cultivating a Thinking Culture
- **International Baccalaureate**
International Baccalaureate
- **Genovasi Malaysia**
Genovasi Malaysia

30

- Inovasi Untuk Masyarakat dan oleh Masyarakat**
Innovation For and by Society
- **Inovasi Sosial**
Social Innovation

38

- Memudahkan Kolaborasi Industri-Akademia**
Facilitate Industry-Academia Collaboration
- **Yayasan Steinbeis Malaysia**
Steinbeis Malaysia Foudation

46

- Mentransformasi Sektor Strategik**
Transforming Strategic Sectors
- **Strategi Biomas Nasional 2020**
National Biomass Strategy 2020
- **Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020 (NGAP2020)**
National Graphene Action Plan 2020 (NGAP2020)
- **Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan (MTCDP)**
The Mid-Tier Companies Development Programme (MTCDP)

58

- Menginovasi Organisasi**
Innovating Organisations
- **Indeks Inovasi Korporat Kebangsaan (NCII)**
National Corporate Innovation Index (NCII)
- **Pulangan Pelaburan Inovasi (ROII)**
Return on Innovation Investment (ROII)
- **Intellectual Capital Future Check (ICFC)**
Intellectual Capital Future Check (ICFC)

64

Menjadi Pemangkin Pengkomersilan

Catalyse Commercialisation

- **Platcom Ventures Sdn Bhd [Platfrom Pengkomersilan Teknologi]**

Platcom Ventures Sdn Bhd
[National Technology Commercialisation Platform of Malaysia]

- **Peluang Perniagaan Inovasi (IBO)**

Innovation Business Opportunities (IBO)

- **Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam [JKPDA]**

Investment Committee for Public Funds [ICPF]

- **Pelaburan Strategik**

Strategic Investments

- **KLSMC Stem Cell Sdn Bhd (KLSMC-SC)**

- **Bioven International Sdn Bhd (Bioven)**

- **Mardil Medical Inc. (Mardil)**

- **Efinix Inc. (Efinix)**

78

Soroton Media

Media Highlights

102

Peristiwa Korporat

Corporate Events

102

Prestasi Kewangan

Financial Statements

102

Penyata Kewangan

Financial Overview and Analysis

102

Penafian

Disclaimer



WAWASAN, MATLAMAT & OBJEKTIF

Vision, Mission & Objective

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) diwujudkan sebagai penggerak penjanaan kekayaan menerusi pengetahuan teknologi dan inovasi bagi menggalakkan dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia. Kami membentangkan asas inovasi yang menginspirasi dan melahirkan usahawan inovatif generasi baru.

Dua matlamat jelas AIM:

- Membawa kepada kesejahteraan masyarakat secara holistik dengan memupuk ekosistem inovasi
- Memacu agenda inovasi nasional untuk menjana kekayaan gelombang baru

Ini dicapai dengan memudahkan kolaborasi antara Kerajaan, Akademia dan Industri dalam meningkatkan penyatuan dan pelaksanaan idea-idea baru di dalam inovasi

Agensi Inovasi Malaysia (AIM) was created to jump start wealth creation through knowledge, technology and innovation to stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia. We lay down the foundation of innovation that inspire and produce a new generation of innovative entrepreneurs.

AIM has two clear goals:

- To bring about holistic societal well-being through cultivation of the innovation ecosystem
- To drive the national innovation agenda to generate new-wave wealth

This is achieved by facilitating collaboration between Government, Academia and Industry in advancing the consolidation and execution of new ideas in innovation.

WAWASAN Vision

Menjana kekayaan menerusi pengetahuan, teknologi dan inovasi.

Wealth creation through knowledge, technology and innovation.

MISI Mission

Merangsang dan membangunkan ekosistem di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020.

To stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia towards achieving Vision 2020.

OBJEKTIF Objectives

Menjana pendapatan tambahan dan menyumbang kepada KDNK Malaysia.

Generate additional revenue and contribute to Malaysia's GDP.

Menyediakan pekerjaan tambahan untuk tenaga kerja Malaysia.

Provide additional jobs for the Malaysia workforce

Menginspirasikan dan melahirkan usahawan inovatif generasi baru.

Inspire and produce a new generation of innovative entrepreneurs.

Memberi kemudahan kepada syarikat-syarikat Malaysia untuk menjadi pemain global utama.

Facilitate the evolution of Malaysian companies into major global players.



AKTA AIM 2010

AIM ACT 2010

Berdasarkan cadangan daripada Unit Inovasi Khas (UNIK) yang berfungsi sebagai pusat pemikir strategik untuk inovasi, kerajaan telah merangka satu rang undang-undang bagi penubuhan Agensi Inovasi Malaysia (AIM) yang bertujuan untuk merangsang dan membangunkan ekosistem inovasi di Malaysia ke arah mencapai Wawasan 2020 dengan menggalakkan kewujudan kekayaan baru untuk negara dan memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan.

Rang undang-undang AIM dikemukakan di Parlimen untuk bacaan kali pertama pada 13 Disember 2010 sebelum diluluskan pada bacaan kali ketiga dan terakhir pada 21 Disember 2010. Ia menjelaskan mengenai rasional dan falsafah penubuhan AIM.

Based on the recommendations by Unit Inovasi Khas (UNIK), which functions as a strategic think tank for innovation, the government initiated a bill for the establishment of Agensi Inovasi Malaysia (AIM) with a mission to stimulate and develop the innovation ecosystem in Malaysia towards achieving vision 2020 that would spur the creation of wealth for the nation and ensure sustainable economic growth.

The AIM bill was tabled for its first reading in parliament on December 13, 2010, before being passed on its third and final reading on December 21, 2010. It spells out the rationale and philosophies behind AIM.

Merumuskan dasar, strategi dan haluan negara berhubung dengan inovasi.

To formulate national policies, strategies and directions relating to innovation.

1

Menguruskan, bekerjasama dan menyelaraskan pelaksanaan aktiviti dengan sektor awam dan swasta untuk merangsang inovasi di Malaysia.

To organise, cooperate in and coordinate the performance of activities with the public and private sector to stimulate innovation in Malaysia.

2

Membuat pertanyaan, tinjauan dan penganalisisan data, penyelidikan dan pembangunan yang berhubung dengan inovasi dan ekosistem inovasi negara.

To conduct inquiries, survey and analysis of data, research and development relating to innovation and the national innovation ecosystem.

3

Menggalakkan dan memudahkan aktiviti dan inisiatif pelaburan oleh sektor awam dan swasta berhubung dengan inovasi.

To promote and facilitate investment activities and initiatives by the public and private sectors in relation to innovation.

4

Akta AIM 2010 juga menghuraikan secara terperinci mengenai mandat khusus badan berkanun ini iaitu untuk:

The AIM Act 2010 also enumerates the specific mandate of the statutory body which is:

Menggalakkan lagi budaya inovasi dalam sektor awam, swasta dan pendidikan di Malaysia.

To further promote the culture of innovation in the public, private and education sectors in Malaysia.

Menasihati Kerajaan dalam perkara yang berhubung kait dengan inovasi

To advise the Government in matters relating to innovation.

Membuat syor yang berhubung dengan komponen inovasi dalam projek strategik negara yang sedia ada atau yang bakal dibuat.

To make recommendations relating to the innovation component of existing or future strategic national projects.

Menjalankan apa-apa fungsi lain yang difikirkan wajar untuk membolehkan pelaksanaan fungsinya secara berkesan atau yang berkesampingan dengan pelaksanaan fungsinya.

To carry out any other functions as deemed fit to enable it to perform its functions effectively or which is incidental to the performance of its functions.

5

6

7

8



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AIM

Statement by Chief Executive Officer AIM

Pendidikan adalah tema utama dalam pembangunan ekosistem inovasi oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) pada tahun 2017, tahun yang juga mencatatkan pencapaian utama dalam usaha agensi untuk memupuk budaya berfikir sebagai sebahagian daripada strategi nasional untuk menjana kekayaan daripada ekonomi yang inovatif.

Pada tahun 2017, inisiatif baru AIM yang bermatlamat untuk mencetus inovasi dalam kehidupan sosial, komersil dan akademik menggabungkan unsur-unsur pembelajaran holistik dan proses pembelajaran sepanjang hayat yang secara langsung dan tidak langsung membantu meningkatkan pemikiran inovatif menjangkaui 2020 dan juga di masa hadapan.

Aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun 2017 telah menekankan usaha AIM untuk memupuk budaya berfikir melalui inisiatif yang menerapkan proses pendidikan dan usaha memupuk minda inovatif ke dalam kalangan masyarakat. Pelancaran Social Impact Exchange; Social Outcome Fund dan Genosis; kejayaan 21 syarikat di bawah program HIP2 PlatCOM Ventures, serta sambutan ulang tahun kelima untuk Genovasi - Design Thinking School yang pertama di Malaysia – merupakan tonggak utama dalam pendidikan sepanjang hayat.

Inilah semangat yang menyokong kerjasama erat AIM dengan Kementerian Pendidikan untuk merekabentuk dan melaksanakan program pemangkin untuk meningkatkan pemikiran inovatif di kalangan remaja dan belia, di sekolah dan kolej, serta dalam kalangan pekerja sektor awam dan swasta. Program i-THINK, International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP), dan program Design Thinking adalah hasil dari kerjasama ini.

Teras AIM untuk memupuk budaya berfikir mencatat pencapaian baru dengan pelancaran program Genosis pada tahun 2017 yang menggabungkan pemikiran dan pandangan terbaik dari program pendidikan inovatif ini, dan memberikan pengalaman pembelajaran yang melangkaui pembelajaran konvensional.

Program Genosis adalah rangka kerja Pengajaran & Pembelajaran bersepadan untuk mananam pembelajaran utama dari model dan program pendidikan yang inovatif seperti i-THINK, IBMYP dan Design Thinking. Genosis, sebuah program yang berdasarkan falsafah dari Design Thinking School Genovasi, menggambarkan generasi akan datang yang bersiap siaga untuk mencapai cita-cita dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

Education was a key theme in Agensi Inovasi Malaysia's (AIM) innovation ecosystem development in 2017, a year that also recorded major achievements in the agency's wider push to cultivate a thinking culture as part of a national strategy to create wealth from innovative economy.

In 2017, new AIM initiatives that seek to jumpstart innovation in social, commercial and academic life incorporated elements of a holistic education and life-long learning process that directly and indirectly assist to enhance the innovative mindset beyond 2020 and well into the future.

The activities conducted throughout 2017 had underscored AIM's push to cultivate a thinking culture through initiatives that take the process of education and nurturing of innovative mindsets to a societal level. The launching of the Social Impact Exchange; the Social Outcome Fund and Genosis; the marking of milestones in the success of 21 companies under PlatCOM Ventures' HIP2 programme, as well as the celebration of the fifth successful year for Genovasi - Malaysia's first Design Thinking School - were all representative of the milestones on the life-long education journey.

This is the spirit underpinning AIM's close collaboration with the Ministry of Education to design and implement catalytic programmes for enhancing innovative thinking among teens and young adults, in schools and colleges, as well as among public and private sector employees. The i-THINK programme, International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP), and the Design Thinking programme were all products of this collaboration.

AIM's thrust to cultivate a thinking culture achieved a new milestone with the launching of the Genosis programme in 2017 that combines the best of thoughts and insights from these innovative education programmes, and presents a learning experience that surpasses the conventional learning situation.

The Genosis Programme is an integrated Teaching & Learning framework for embedding key learnings from innovative education models and programmes such as i-THINK, IBMYP and Design Thinking. Genosis, a programme based on Genovasi's Design Thinking School philosophy, envisions a future generation equipped to achieve the ambitions and targets set forth in the Malaysia Education Blueprint and the TN50.



NASER JAAFAR

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF AIM
Chief Executive Officer AIM

Dalam tempoh lima tahun Genovasi telah melatih hampir 4,000 peserta dari sektor awam dan swasta menggunakan model Design Thinking "Stanford d.school" dan Hasso-Plattner-Institute; pendekatan berteraskan tumpuan kepada empati, dan pemahaman yang mendalam mengenai keperluan pengguna.

Untuk meluaskan capaian Design Thinking, Genovasi juga telah memulakan program "Design Thinking-Catch 'em Young" (DT-CEY) untuk mereka yang berumur 10 hingga 14 tahun, yang mana daya imaginatif dan kreatif pada usia ini menjadikan mereka calon yang sempurna untuk dipupuk sebagai inovator dan pembina masa depan dengan minda inovatif.

AIM juga meraikan kisah kejayaan 21 syarikat inovatif di bawah High Impact Program 2 (HIP2) PlatCOM Ventures. Syarikat-syarikat ini terdiri daripada kumpulan pertama syarikat HIP2 dengan idea-idea baru dan prototaip yang telah mendapat bimbingan dari PlatCOM untuk dibangunkan dan dibawa kepada pasaran pengguna.

Satu pameran khas HIP2 telah diadakan pada Julai 2017 untuk mengiktiraf pencapaian syarikat-syarikat ini dan mentakrifkan apa yang dimaksudkan dengan menjadi inovatif untuk menjadi kompetitif.

PlatCOM Ventures telah menganjurkan Program Kesedaran Penilaian Harta Intelek (IP) pada 2017 yang menggalakkan usahawan tempatan untuk menilai IP mereka yang sedia ada bagi mengkomersilkan teknologi yang berpotensi. Program ini bertujuan untuk meningkatkan persepsi terhadap nilai kelebihan IP untuk memperkuuhkan daya saing. Program ini juga merupakan suatu seruan dan cabaran untuk perniagaan kecil dan pertengahan di Malaysia meningkatkan tahap inovasi mereka.

Capaian kepada organisasi bertujuan sosial dan komuniti yang menerima khidmat mereka diteruskan oleh unit Inovasi Sosial AIM, yang telah membawa impak melalui dua platform penting yang dilancarkan untuk intervensi sosial dan pihak-pihak berkepentingan yang terlibat. Platform tersebut adalah Social Impact Exchange (SIX) yang dilancarkan di Global Entrepreneurship Community Summit 2017 dan Social Outcome Fund (SOF) di Social Economy & Investment Conference 2017.

SIX adalah platform "pembayaran untuk impak" (bursa pay-for-impact) pertama di Malaysia dengan struktur yang lebih teratur bagi perlaksanaan aktiviti intervensi sosial dan direka bentuk menyerupai bursa saham. Organisasi bertujuan sosial (SPO) akan dinilai dalam satu proses yang sama dengan penyenaraian IPO untuk syarikat-syarikat berdasarkan kapasiti, rekod, impak, kelestarian kewangan, proses pengukuran dan inovasi sebelum disenaraikan di SIX.

Five years on, Genovasi has trained almost 4,000 participants from the public and private sectors using the "Stanford d.school" and Hasso-Plattner-Institut Design Thinking model; a human-centric approach that focuses on empathy, and relying on a deep understanding of user needs.

To expand Design Thinking's outreach, Genovasi had also begun the "Design Thinking-Catch 'em Young" (DT-CEY) programme for the nation's 10 to 14-year-olds, whose imaginative and creative energy at this age makes them the perfect candidates to be nurtured as future innovators and builders with innovative mindsets.

AIM also celebrated the success stories of 21 innovative companies under PlatCOM Ventures' High Impact Programme 2 (HIP2). The companies comprised the first batch of HIP2 companies with novel ideas and product prototypes that PlatCOM had assisted in developing and bringing to the consumer market.

A special HIP2 Showcase event was held in July 2017 to mark the achievement of these companies in defining what it means to be innovative in order to be competitive.

PlatCOM Ventures took the lead in designing an Intellectual Property (IP) Valuation Awareness Programme in 2017 that raised the call for local businesses to evaluate their existing IPs for potential technology commercialisation purposes. The programme aimed to enhance perception on the value of IP as a competitive edge. The programme was also a call and a challenge for Malaysian small and mid-tier businesses to raise their level of innovation.

The outreach to social purpose organisations and the communities that they serve was continued by AIM's Social Innovation team, which made quite an impact with two significant platforms launched to cater for social intervention work and the stakeholders involved. These were the Social Impact Exchange (SIX) launched at the Global Entrepreneurship Community Summit 2017, and the Social Outcome Fund (SOF) that was launched at the Social Economy & Investment Conference 2017.

SIX is Malaysia's first pay-for-impact exchange for a more structured approach to implement social intervention activities, and is designed to parallel a stock exchange. Social Purpose Organisations (SPOs) will be evaluated in a process similar to an IPO listing exercise for companies, based on their capacity, track record, projected impact, financial sustainability, the outline of measurement and innovation prior to listing on the SIX.



Pada awal tahun 2017, SOF telah dilancarkan dan sebanyak RM3 juta telah disediakan untuk projek intervensi sosial oleh SPO, yang mana ini mewujudkan situasi 'win-win-win' bukan sahaja untuk SPO tetapi juga bagi sektor swasta dan terutamanya kerajaan, yang sehingga kini merupakan satu-satunya penyumbang bagi perkhidmatan sosial yang berskala besar.

SOF dan SIX yang mesra rakyat akan membantu SPO mencapai impak yang lebih tinggi melalui pendekatan berstruktur dalam menyampaikan perkhidmatan sosial kepada mereka yang memerlukan, dalam memperkasa dan menjana hasil dalam ekonomi sosial Malaysia.

Dana ini menggalakkan syarikat dan yayasan untuk melabur dalam usaha yang mempunyai impak sosial lebih dari sekadar aktiviti CSR, dan membantu individu dan masyarakat (sebagai sebahagian daripada ekonomi sosial) mencapai interaksi yang lebih lengkap dengan sektor awam dan swasta.

Satu lagi acara penting bagi tahun 2017 ialah International Biomass Conference Malaysia 2017 (IBCM 2017) yang diadakan di Kuching yang telah mengetengahkan 33 penceramah dan ahli panel termasuk 15 pakar bidang dari Malaysia, dan dihadiri oleh 1,226 perwakilan dari 50 negara termasuk Australia, Singapura, Amerika Syarikat, Belanda, Korea Selatan, Denmark dan Jepun. Pakar, perunding dan wakil-wakil syarikat biomas memuji IBCM 2017 sebagai pembuka mata kepada potensi Sarawak sebagai hab biomas Malaysia seiring dengan Sabah.

Kedudukan Sarawak yang terletak di pusat rantau ini, kemudahan infrastruktur dan pelabuhan yang baik membentuk saluran langsung kepada sumber biomas yang luas di kawasan pedalamannya, dan menjadikannya lokasi yang sesuai untuk industri pemprosesan biomas dan biogas. Sarawak mendapat faedah daripada peranannya yang berpotensi menjadi tumpuan pelabur dengan bekalan sumber biomasnya sendiri iaitu yang terbesar di Malaysia, menjadikan negeri ini sebagai penyumbang utama kepada Strategi Biomas Nasional 2020. Bersama dengan kerajaan Persekutuan dan Negeri, AIM akan terus membantu membangunkan industri biomas di Sarawak bersama rakan tempatan dan antarabangsa.

Kerjasama dengan rakan kongsi perniagaan inovatif antarabangsa adalah usaha berterusan bagi kebanyakan inisiatif yang dijalankan oleh AIM. Pada tahun 2017, satu Memorandum Persefahaman (MoU) telah ditandatangani antara Bpifrance dan PlaTCOM Ventures (platform pengkomersilan nasional AIM) untuk mewujudkan satu platform baru yang memberi tumpuan kepada promosi dan bantuan projek-projek kerjasama antara PKS Perancis -Malaysia dan syarikat-syarikat baru yang inovatif.

Earlier in 2017, SOF was launched and RM3 million was made available for social intervention projects by SPOs, and created a 'win-win-win' situation not only for these SPOs but also for the private sector and especially the government, which has thus far been the lone provider of large-scale social service delivery.

The rakyat-minded SOF and SIX will assist SPOs achieve higher impact through a structured approach in delivering social services to those in need, in an empowering and monetised relationship within Malaysia's social economy.

The fund encourages corporations and foundations to invest in ventures with social impact that goes beyond CSR, and help individuals and communities (as parts of a social economy) achieve a more complete interaction with public and private sectors.

Another significant highlight for the year was the International Biomass Conference Malaysia 2017 (IBCM 2017) held in Kuching that attracted a line-up of 33 speakers and panellists that include 15 subject matter experts from Malaysia, and attended by 1,226 delegates from 50 countries including Australia, Singapore, USA, The Netherlands, South Korea, Denmark and Japan. Experts, consultants and representatives of biomass companies lauded the IBCM 2017 as an eye opener to Sarawak's potential as Malaysia's and the region's biomass hub alongside Sabah.

The State's central location in the region, good infrastructure and port facilities form a direct pipeline to the vast biomass resources in its hinterland, and ideal locations for biomass and biogas processing industry. Sarawak stands to benefit from its potential role as a haven for investors blessed with its own supply of biomass resources that is the largest among all Malaysian States, which makes Sarawak a key contributor to the country's National Biomass Strategy 2020. Together with the Federal and State government, AIM will continue to facilitate the development of biomass industry in Sarawak with local and international partners.

Attracting international innovative business partners is an ongoing theme of many of AIM's initiative. In 2017, a Memorandum of Understanding (MoU) was signed between Bpifrance and PlaTCOM Ventures (AIM's national commercialisation platform) to establish a new platform focusing on the promotion and facilitation of collaborative projects between Franco-Malaysian SMEs and innovative start-ups.



Di bawah MoU ini, kedua-dua pihak akan menyediakan pembiayaan untuk projek-projek perniagaan inovatif di bawah kemudahan ekosistem inovasi Perancis-Malaysia untuk mengetengahkan pembangunan teknologi, dengan menjemput penyertaan dari kedua-dua negara untuk mengemukakan kertas cadangan melalui 'Cabaran Inovasi Perancis-Malaysia 2017'. Matlamatnya adalah untuk menyelaraskan pembiayaan menerusi Cabaran ini melalui satu cara di mana syarikat-syarikat dari Malaysia dan Perancis dapat bekerjasama, apabila dipadankan melalui suatu platform dalam talian, bagi mengemukakan cadangan untuk projek bersama yang harus merangkumi unsur-unsur pembangunan proses, produk atau perkhidmatan yang inovatif. Cadangan-cadangan tersebut akan dikaji oleh Bpifrance dan PlaTCOM Ventures secara bebas dan teratur.

PlaTCOM Ventures juga telah membantu meningkatkan penglibatan wanita dalam bidang keusahawanan melalui MoU dengan MyWIN Academy bagi membolehkan kedua-dua pihak menyediakan kepakaran, tenaga kerja dan maklumat yang diperlukan, termasuk perkongsian teknologi, serta memudahkan hasil perniagaan yang positif. Matlamatnya adalah untuk membantu usahawan wanita mencapai impian mereka dengan menyediakan sokongan kewangan serta kemudahan untuk mengkomersilkan inovasi mereka.

Bantuan pengkomersilan adalah matlamat MoU yang ditandatangani oleh bahagian kolaborasi akademia-industri AIM, Steinbeis Malaysia Foundation dan Persatuan Pengurus Inovasi dan Teknologi Malaysia (ITMA), suatu kerjasama baru untuk memanfaatkan rangkaian luas pakar bidang yang dimiliki oleh persatuan ini. MoU itu dibentuk untuk membangunkan ilmu pengetahuan yang luas dan masih belum diterokai yang akan ditransformasi ke dalam produk dan perkhidmatan di pasaran, dan membolehkan harta intelek di dalam negara menjana hasil bagi ekonomi Malaysia melalui penerapan penyelidikan akademik untuk menyelesaikan masalah industri.

MoU ini adalah sejarah dengan seruan Kerajaan untuk bekerja merentasi semua sempadan, memecahkan silo dalam organisasi, serta menggabungkan dan menggunakan sumber-sumber sedia ada di agensi kerajaan dan persatuan-persatuan pemindahan teknologi.

Indeks Inovasi Korporat Kebangsaan AIM (NCII) telah dilancarkan bagi negeri Sabah dengan kerjasama agensi-agensi dan perbadanan Kerajaan Negeri Sabah untuk memperkenalkan Toolkit NCII, yang bertujuan untuk menggalakkan pengurusan inovasi, serta menyediakan mekanisme yang membantu syarikat membuat pelaburan dengan lebih berkesan.

Bengkel NCII yang pertama di Kota Kinabalu telah dilancarkan pada bulan Mei 2017 dan sepanjang tahun lalu ianya juga telah diadakan di Pahang, Terengganu dan Melaka.

Under the MoU, both parties provide funding for innovative business projects under the respective French-Malaysian innovation ecosystem facilities for promoting technology development, through a call for proposals titled 'French-Malaysian Innovation Challenge 2017'. The goal was to coordinate financing through this Challenge in such a way that companies from Malaysia and France can work collaboratively, upon successful matching through an online platform, to submit proposals for joint projects that should include elements of development of innovative processes, products or services. These would be reviewed by Bpifrance and PlaTCOM Ventures in a coordinated but independent manner.

PlaTCOM Ventures also helped to boost women's involvement in entrepreneurship via the signing of an MoU with MyWIN Academy to enable both parties to provide necessary expertise, manpower and information, including sharing of technology, as well as facilitating positive business outcomes. The aim was to help women entrepreneurs achieve their dreams by providing financial support as well as facilitation to commercialise their innovations.

Commercialisation facilitation is the aim of another MoU signed between AIM's industry-academia facilitation arm, Steinbeis Malaysia Foundation, and the Innovation and Technology Managers Association Malaysia (ITMA), marking a new collaboration to leverage on the wide network of subject matter experts that the association has. The MoU was designed to develop the large and still untapped bank of knowledge awaiting transformation into market-ready products and services, and allow locally-generated intellectual property to be translated into revenue generating vehicles for the Malaysian economy through the application of academic research to solve real industry problems.

This MoU is in line with the Government's call to work across boundaries, breaking organisational silos, as well as pooling and utilising currently available resources in government agencies and technology transfer associations, as promoted by Malaysia's National Blue Ocean Shift initiative.

AIM's National Corporate Innovation Index (NCII) was rolled out for the state of Sabah in a collaboration between Sabah State Government agencies and corporations, to introduce the NCII Toolkit, which aims to promote innovation management, as well provide a mechanism that assists companies to carry out investments more effectively.

This first NCII workshop in Kota Kinabalu was launched in May 2017, while other NCII workshops were also held throughout the year in Pahang, Terengganu and Melaka.



Bengkel ini menekankan kepentingan inovasi untuk pengguna, syarikat serta negara, dan memberikan pandangan tentang bagaimana peningkatan inovasi mendorong peningkatan taraf hidup pengguna dan kepuasan keseluruhan, pertumbuhan dan kejayaan syarikat, dan bagaimana faktor ini menjadi asas baru untuk kekayaan negara.

Satu contoh strategi untuk menjana kekayaan bagi Malaysia adalah teknologi penyulingan getah, iaitu suatu inovasi oleh sebuah syarikat tempatan yang mensasarkan pasaran global yang besar untuk mengitar semula 1.3 bilion tayar yang dibuang setiap tahun. Teknologi ini yang dimiliki oleh SRI Capital Holdings Sdn Bhd akan membantu dalam mengurangkan sisa ini tanpa membakar atau membuangnya di tapak pelupusan.

Kerajaan Malaysia melalui Agensi Inovasi Malaysia (AIM) adalah satu daripada pemegang saham dalam SRI Holdings bersama dengan QuestMark Capital; suatu dana modal teroka yang berkait dengan MAVCAP yang berpengkalan di Malaysia dan Hong Kong.

Dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Inovasi Teknologi Asia Pasifik 2010 oleh Frost & Sullivan, syarikat itu merupakan peneraju dunia dalam teknologi kitar semula getah yang memberi tumpuan kepada penyelesaian yang mesra alam dan mampan seiring dengan cabaran yang semakin meningkat bagi produk tayar kitar semula dan getah buangan.

Teknologi mesra alam ini menukar sisa tayar ke dalam sebatian getah yang boleh digunakan semula dengan cara yang mampan dan komersil. Bahan ini telah berjaya digunakan dalam sebatian tayar baru, tayar celup, komponen automotif, aplikasi barang getah industri dan am. Proses "up-cycling" yang dipatenkan (mencipta produk baru yang mempunyai nilai komersil yang lebih tinggi daripada bahan mentah asal yang dikitar semula) merupakan satu kejayaan dalam teknologi kitar semula global.

Tema pendidikan dan pembelajaran sepanjang hayat ini terdapat dalam semua inisiatif yang dijalankan pada tahun 2017, membabitkan pelajar, pelbagai masyarakat tempatan, usahawan, teknokrat, pemimpin korporat, ahli akademik dan rangkaian besar inovator dalam ekosistem inovasi tempatan dan global.

Daripada pelaksanaan model pendidikan yang telah diakui sehingga seruan kepada mereka yang berfikiran inovatif untuk menghadapi cabaran-cabaran inovasi baru, juga momentum pemikiran baru yang diperkenalkan oleh AIM, serta perundingan dan bantuan, semua ini akan meningkatkan Inovasi Keusahawanan dan Inovasi Sosial untuk Malaysia dalam usaha untuk menjana kekayaan melalui inovasi.

These workshops emphasised the vitality of the innovation factor for consumers, corporations, and nations, and provided insights on how innovativeness drive improvements in consumers' living standards and overall satisfaction, the growth and success of corporations, and how this factor is becoming the new basis for the wealth of nations.

A prime example of a strategy to create wealth for Malaysia is a patented rubber devulcanisation technology innovated by a locally based company looking at the huge global market for recycling of 1.3 billion tyres discarded every year. This technology owned by SRI Capital Holdings Sdn Bhd will help in reducing this waste without burning or filling up landfills.

The Malaysian Government via Agensi Inovasi Malaysia (AIM) is one of the shareholders in SRI Holdings together with QuestMark Capital; a MAVCAP-linked venture capital fund based in Malaysia and Hong Kong.

Awarded the 2010 Asia Pacific Technology Innovation Award by Frost & Sullivan, the company is a world leader in rubber recycling technology that focuses on providing both eco-friendly and sustainable solutions to the growing challenge of recycling tyres and waste rubber products.

This environmentally friendly technology converts waste tyres into reusable rubber compounds in a sustainable and commercially viable manner. The material has been successfully used in the manufacturing of new tyres, retreads, automotive components, industrial and general rubber goods. This patented "up-cycling" process (creating new product that has a higher commercial value than its original recycled raw material) represents a breakthrough in global recycling technology.

The theme of education and life-long learning runs through all these initiatives in 2017, involving students, diverse local communities, entrepreneurs, technocrats, corporate leaders, academicians and large networks of innovators within the local and global innovation ecosystems.

From implementing proven education models and calling out to innovative minds to embrace new innovation challenges, the momentum of new ways of thinking introduced by AIM coupled with the agency's consultancy



Pengurusan **AIM** AIM MANAGEMENT

NASER JAAFAR

Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer

ABDULLAH ARSHAD

Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer

OOI PANG KOK

Ketua Pegawai Kewangan
Chief Financial Officer

**ZURINAWATI
ZAINAL ABIDIN**

Ketua Sekretariat
Head of Secretariat






CARTA ORGANISASI

ORGANISATION CHART

**KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF**
CHIEF EXECUTIVE
OFFICER

**MAJLIS TADBIR
URUS**
GOVERNANCE
COUNCIL





PERKHIDMATAN KORPORAT CORPORATE SERVICES

**HUBUNGAN KERAJAAN
INDUSTRI & SEKRETARIAT**
GOVERNMENT-INDUSTRY
RELATIONS & SECRETARIAT

SUMBER MANUSIA
HUMAN RESOURCE

KOMUNIKASI KORPORAT
CORPORATE COMMUNICATION

PENGURUSAN PRESTASI
PERFORMANCE MANAGEMENT

INOVASI SOSIAL
SOCIAL INNOVATION

KEMAHIRAN INOVASI
INNOVATION SKILLS

DANA STRATEGIK
STRATEGIC FUNDING

PELABURAN STRATEGIK
STRATEGIC INVESTMENTS

**PLATCOM VENTURES/
PELUANG PERNIAGAAN
INOVASI**
PLATCOM VENTURES/
INNOVATION BUSINESS
OPPORTUNITIES

**KERJASAMA
INDUSTRI-AKADEMIA**
INDUSTRY-
ACADEMIA COLLABORATION

**INOVASI SEKTOR
KORPORAT & PROJEK
BERIMPAK STRATEGIK**
CORPORATE SECTOR
INNOVATION & STRATEGIC
IMPACT PROJECT




INNOVATING MALAYSIA

Menginovasi Malaysia

PENDEKATAN INOVASI

APPROACHES TO INNOVATION



**MENYEMAI
BUDAYA BERFIKIR**
CULTIVATING A THINKING CULTURE

**INOVASI UNTUK MASYARAKAT
DAN OLEH MASYARAKAT**
INNOVATION FOR AND BY SOCIETY

**MEMUDAHKAN KOLABORASI
INDUSTRI-AKADEMIA**
FACILITATE INDUSTRY-ACADEMIA COLLABORATION

**MENTRANSFORMASI SEKTOR
STRATEGIK**
TRANSFORMING STRATEGIC SECTORS

MENGINOVASI ORGANISASI
INNOVATING ORGANISATIONS

**MENJADI PEMANGKIN
PENGKOMERSILAN**
CATALYSE COMMERCIALISATION





MENYEMAI BUDAYA BERFIKIR

CULTIVATING A THINKING CULTURE

Membekalkan generasi akan datang Malaysia dengan kemampuan berfikir secara kritis dan kreatif melalui program-program seperti i-THINK, IB dan Genovasi.

Program-program ini direka bagi meningkatkan kemahiran berfikir pelajar sekolah rendah dan menengah kita dan kemahiran design thinking untuk para graduan.

Program-program ini akan membantu merangsang budaya pemikiran inovatif dan kritis di kalangan belia, sekaligus mewujudkan saluran perhubungan kreatif untuk inovasi di masa depan.

Equipping Malaysia's next generation with the ability to think critically and creatively via programmes such as i-THINK, IB and Genovasi.

These programmes are designed to enhance thinking skills for our primary and secondary school children and also design thinking for graduates.

These programmes will also help foster a culture of innovative and critical thinking among youths and as such create a seamless creative pipeline for future innovations.

INOVASI UNTUK MASYARAKAT DAN OLEH MASYARAKAT

INNOVATION FOR AND BY SOCIETY

Mencabar belia menerusi UReka.my untuk menginovasi dan membimbing mereka melalui proses pembentukan idea, pemprootaipan, perintisan dan implementasi;

Model penjanaan pendapatan yang berjaya dalam kalangan usahawan mikro secara crowdsourcing dan mereplikanya kepada lebih ramai orang melalui rangkaian mentor Gigih;

Mengerak kewangan sosial untuk mengalakkan NGO berkolaborasi dengan kerajaan dan sektor swasta bagi mengubah penglibatan dan penyampaian khidmat sosial.

Challenging youths on UReka.my to innovate, and guiding them through a process of ideation, prototyping, piloting and implementation;

Crowdsourcing successful income generation models among micro-entrepreneurs and replicating to more people through a Gigih mentoring network;

Mobilising social finance to leverage social NGOs to collaborate with government and the private sector to transform social intervention and service delivery.

MEMUDAHKAN KOLABORASI INDUSTRI-AKADEMIA

FACILITATE INDUSTRY-ACADEMIA COLLABORATION

Memangkinkan pertambahan aktiviti kolaborasi antara industri dan akademia bagi menjana harta intelek yang tersedia secara komersil melalui Steinbeis Malaysia;

Program-program ini akan membantu orang awam mempromosi inovasi, pemindahan ilmu dan memudahkan kerjasama antara Kerajaan, Rakyat, Akademia dan Industri bagi menghidupkan budaya inovasi terbuka yang sebenar;

Program-program ini juga menyediakan platform inovatif alternatif kepada industri (terutamanya bagi perusahaan kecil dan sederhana) melibatkan akademia untuk menyelesaikan keperluan sebenar perniagaan.

Catalysing greater collaboration activities between industry and academia to generate commercial-ready IPs via Steinbeis Malaysia;

These programmes will help the public to promote innovations, transfer knowledge and facilitate collaborations between Government, Rakyat, Academia and Industry to create a truly open innovation culture;

These programmes also provide alternative innovative platforms for the industry (particularly SMEs) to engage the academia to solve real business needs.



MENTRANSFORMASI SEKTOR STRATEGIK TRANSFORMING STRATEGIC SECTORS

Mentakrifkan strategi-strategi kebangsaan bagi mengubah sektor-sektor strategik di masa depan melalui program-program seperti Strategi Biomas Nasional 2020 dan Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan 2020;

Program-program ini akan merealisasikan strategi kebangsaan bagi mengubah Malaysia menjadi hab biomas global dan pelan halatuju untuk pilihan strategik dalam bidang-bidang penumpuan yang kompetitif dengan graphene sebagai pemboleh utama.

MENGINOVASI ORGANISASI INNOVATING ORGANISATIONS

Menyediakan sokongan kepada organisasi-organisasi sederhana dan besar berhubung inovasi menerusi program-program seperti Program Pembangunan Peringkat Pertengahan, Indeks Inovasi Korporat Kebangsaan dan Intellectual Capital Future Check;

Menginovasi organisasi-organisasi dengan memberi sokongan kepada organisasi-organisasi tahap pertengahan dan besar untuk melangkah ke tahap berikutnya dan meraih pulangan hasil daripada inovasi.

MENJADI PEMANGKIN PENGKOMERSILAN CATALYSE COMMERCIALISATION

Membuat pelaburan terpilih bagi memangkinkan usaha-usaha baru dan perniagaan baru (pemimpin masa depan berinovasi);

Mewujudkan platform bagi harta intelek sedia ada di Malaysia

Portal JKPDA bakal menjadi pusat sumber maklumat bagi program-program pembiayaan dan kemudahan kajian penyelidikan dan pembangunan di negara ini. Ia juga akan digunakan bagi memantau dan menilai keberkesanan program-program pembiayaan itu;

Program-program seperti Pelaburan Ekuiti dan PlaTCOM Ventures akan memperlihatkan AIM membantu menghasilkan kisah kejayaan global dengan jalinan kerjasama syarikat-syarikat yang menunjukkan potensi untuk mengkomersilkan inovasi-inovasi bertaraf dunia.

Defining national strategies to transform strategic sectors of the future via programmes such as the National Biomass Strategy 2020 and the National Graphene Action Plan 2020;

These programmes will deliver a national strategy to transform Malaysia into a global hub for biomass and a roadmap for strategic choices into competitive application areas with graphene as a key enabler.

Providing support to mid-sized and large organisations on innovation via programmes such as the Mid-Tier Development Programme, National Corporate Innovation Index and the Intellectual Capital Future Check

Innovating organisations by providing support to mid-level and large organisations to make the jump to the next level and seek returns on innovation.

Making selective investments to catalyse new ventures and startups (future leaders in innovation);

Creating platforms to monetise Malaysia's existing intellectual properties;

The 1Dana portal will be the central source of information for funding programs and public R&D facilities in the country. It will also be used for monitoring and evaluating the effectiveness of the funding programmes.

Programmes such as Equity Investments and PlaTCOM Ventures will see AIM helping to create global success stories by working with companies that show potential to commercialise world-class innovations.





INISIATIF- INISIATIF INITIATIVES



MENYEMAI BUDAYA BERFIKIR

CULTIVATING A THINKING CULTURE





INTERNATIONAL BACCALAUREATE

International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP) telah diperkenalkan di Malaysia mulai tahun 2013. Inisiatif ini yang dikendalikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan International Baccalaureate Organisation (IBO), telah diuji di 10 sekolah menengah awam yang melibatkan 861 guru dan lebih daripada 10,000 pelajar.

IBMYP bertujuan memupuk kemahiran dan sikap untuk kejayaan akademik pada abad ke-21. Matlamat pelaksanaan program ini adalah untuk mewujudkan sekelompok 10 sekolah awam sebagai pusat kecemerlangan IBMYP yang akan menjadi model dan menyokong amalan dan metodologi terbaik global di sekolah-sekolah lain bagi meningkatkan impak ke atas reformasi pendidikan yang lebih meluas di Malaysia.

Selepas menjalani satu proses yang rapi selama empat tahun, kesemua 10 buah sekolah telah berjaya dianugerahkan status "IB World School" pada 2016 dan 2017, dan dengan ini mereka tergolong dalam komuniti terpilih iaitu di kalangan kira-kira 1,400 sekolah di hampir 100 buah negara yang menawarkan IBMYP.

Terdapat 16 sekolah yang menawarkan program IBMYP di Malaysia, yang mana 10 adalah sekolah kerajaan dari program perintis AIM. Sekolah-sekolah ini adalah SMK Sg Tapang, Kuching, Sarawak; Kolej Melayu Kuala Kangsar, Perak; SMK Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah; SMK Putrajaya Presint 9 (2), WP. Putrajaya; SMK Pantai, WP. Labuan; SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bahru, Kelantan; Kolej Tunku Kurshiah, Bandar Enstek, Negeri Sembilan; SMK Seri Tualang, Temerloh, Pahang; SMKA Sheikh Abd. Malek, Kuala Terengganu, Terengganu; dan SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau, Perlis.

INTERNATIONAL BACCALAUREATE

The International Baccalaureate Middle Years Programme (IBMYP) was introduced in Malaysia starting 2013. This initiative, in collaboration with the Ministry of Education (MoE) and the International Baccalaureate Organisation (IBO), was piloted in 10 public secondary schools, involving 861 teachers and more than 10,000 students.

The IBMYP was introduced to foster skills and attitudes for academic success in the 21st century. The aim of implementing this programme is to establish a cohort of 10 public schools as IBMYP centres of excellence that will model and support global best practices and methodologies in other schools in order to broaden the impact on wider educational reform in Malaysia.

After a rigorous process lasting four years, all 10 schools were successfully awarded the "IB World School" status in 2016 and 2017, thus joining a select community of approximately 1,400 schools in nearly 100 countries in offering the IBMYP.


There are 16 schools offering the IBMYP programme in Malaysia, of which, 10 are government schools from our pilot programme. These schools are SMK Sg Tapang, Kuching, Sarawak; Malay College Kuala Kangsar, Perak; SMK Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah; SMK Putrajaya Presint 9(2), WP. Putrajaya; SMK Pantai, WP. Labuan; SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Kota Bahru, Kelantan; Kolej Tunku Kurshiah, Bandar Enstek, Negeri Sembilan; SMK Seri Tualang, Temerloh, Pahang; SMKA Sheikh Abd. Malek, Kuala Terengganu, Terengganu; and SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau, Perlis.

Perjalanan bagi sekolah perintis ini adalah menguntungkan dan mencabar memandangkan perubahan pendekatan Pengajaran dan Pembelajaran memerlukan banyak usaha, masa dan tenaga untuk memenuhi keutamaan pembelajaran abad ke-21. Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran dalam 10 Sekolah IB World School ini telah memberikan para pelajar pengalaman dan pembelajaran akademik yang luas dan seimbang; ini seterusnya memberi kesan positif kepada peningkatan kemahiran untuk abad ke-21 mereka, yang penting bagi menjadi tenaga kerja yang bersedia untuk masa hadapan dan berkualiti tinggi serta selaras dengan keperluan industri dan sosial negara.

Perancangan Masa Depan

Untuk rancangan masa depan AIM, Yayasan Genovasi iaitu bahagian pendidikan AIM, dan Kementerian Pendidikan akan merintis Program Genosis, iaitu rangka kerja bersepadan untuk Pengajaran dan Pembelajaran, dengan pembelajaran utama dari model dan program pendidikan tempatan dan antarabangsa seperti i-THINK, IBMYP dan Design Thinking. Visi program ini ialah untuk membangunkan generasi akan datang yang akan memainkan peranan penting dalam merealisasikan cita-cita dan sasaran yang ditetapkan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia.

10 Sekolah Menengah Awam



SMK Sg. Tapang, Sarawak;
MARCH 2016

Malay College Kuala Kangsar
(MCKK), Perak; April 2016

SMK Sultanah Bahiyah, Kedah;
June 2016

SMK Putrajaya Presint 9 (2),
Putrajaya; June 2016

SMK Pantai, Labuan;
July 2016

The journey for our pilot schools has been both rewarding and challenging, as changes in Teaching and Learning approaches require a lot of effort, time and energy to effectively meet 21st century learning priorities. The Teaching and Learning activities within these 10 IB World Schools provides students a broad and balanced academic study and learning experience; this in turn positively impacts improvement of their 21st century skills development, which is crucial in order to be a high quality and future ready workforce that is in line with industry requirements and social needs of the country.

Moving Forward

The plan for the future is for AIM, its education arm Genovasi Foundation, and the Ministry of Education to pilot the Genosis Programme, which is an integrated framework for Teaching and Learning, with key learnings from local and international education models and programmes such as i-THINK, IBMYP and Design Thinking. The programme envisions developing a future generation that will play a prominent role in realising the ambitions and targets set forth in the Malaysia Education Blueprint.

10 Public Secondary Schools



Kolej Tunku Kurshiah, Negeri
Sembilan; September 2016

SMK Seri Tualang, Pahang;
September 2016

SM Sains Tengku Muhammad
Faris Petra, Kelantan;
September 2016

SMK Agama Sheikh Abdul
Malek, Terengganu; May 2017



SMK Dato' Sheikh Ahmad, Arau,
Perlis; October 2017



GENOVA MALAYSIA

Genovasi Malaysia Sdn Bhd (GMSB) adalah saluran bagi AIM untuk menyemai pemikiran dan sikap inovatif dalam perkhidmatan awam. Genovasi d.school (anak syarikat GMSB) adalah sebuah institut pembelajaran yang khas untuk pengajaran Design Thinking.

Pada tahun 2017, lebih 500 pegawai daripada 25 kementerian dan agensi di bawah program Design Thinking Innovation Ambassador (DTIA) telah berjaya menamatkan program ini. Para graduan DTIA menerima sijil yang mengiktiraf mereka sebagai Duta Inovasi, yang disokong oleh HPI D-School.

Graduan-graduan Design Thinking merangkumi Kadet PTD INTAN serta pegawai perkhidmatan daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Institut Penyelidikan & Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Kementerian Kesihatan (MoH), Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE), Kementerian Pendidikan (KPM), Unit Strategi Nasional (NSU), Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (BOMBA), Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), serta Kementerian Luar Negara (MOFA), Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), dan Kementerian Kesihatan (MOH).

Sejak pelancaran GMSB pada 1 Ogos 2012, Genovasi d.school telah menghasilkan lebih daripada 3,000 Duta Inovasi daripada sektor swasta dan sektor awam.

Memperkasa penjawat perkhidmatan awam di Malaysia dengan pemikiran sistematis dan kreativiti melalui program Design Thinking Genovasi d.school.

Genovasi Malaysia adalah peneraju rakan serantau Hasso-Plattner-Institute (HPI) School of Design Thinking (HPI D-School), Jerman, yang merupakan institut di bawah naungan bersama Hasso Plattner Institute of Design di Universiti Stanford (Stanford d.school), Amerika Syarikat. Anak syarikatnya Genovasi d.school merupakan penubuhan ketiga HPI Schools of Design Thinking di dunia.

GENOVA MALAYSIA

Genovasi Malaysia Sdn Bhd (GMSB) is the channel for AIM to inculcate innovative mind-sets and behaviours in the public service. Genovasi d.school (a subsidiary of GMSB) is a learning institute dedicated to the teaching of Design Thinking.

In 2017, more than 500 officers from 25 ministries and agencies under the Design Thinking Innovation Ambassador (DTIA) programme graduated from this programme. DTIA graduates receive a certificate that recognises them as Innovation Ambassadors, endorsed by HPI D-School.

The graduates include a batch of INTAN PTD Cadets annually as well as in-service officers from Ministry of Urban Wellbeing, Housing & Local Government (KPKT), Malaysian Agricultural Research & Development Institute (MARDI), Ministry of Agriculture (MOA), Ministry of Tourism and Culture (MOTAC), Ministry of Health (MOH), Ministry of Higher Education (MOHE), Ministry of Education (KPM), National Strategy Unit (NSU), Public Works Department (JKR), Fire and Rescue Department of Malaysia (BOMBA), Ministry of Communications and Multimedia (KKMM), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), with exceptional Design Thinking practices and enculturation by Ministry of Foreign Affairs (MOFA), Ministry of International Trade and Industry (MITI), and Ministry of Health (MOH).

Since the launch of GMSB on August 1, 2012, Genovasi d.school has graduated more than 3,000 Innovation Ambassadors from the public and private sectors.

Empowering Malaysia's elite public service personnel with systematic reasoning and creativity through Genovasi d.school's Design Thinking programmes.

Genovasi Malaysia is the leading regional partner of the Hasso-Plattner-Institut (HPI) School of Design Thinking (HPI D-School), Germany, which is a sister institute of the Hasso Plattner Institute of Design at Stanford University (Stanford d.school), USA. Its subsidiary, Genovasi d.school is the third instalment in the HPI Schools of Design Thinking in the world.

Dalam rangkaian HPI D-School, beberapa inisiatif telah dilancarkan bagi melindungi, mempromosi, dan menggalakkan pengamalan Design Thinking. Genovasi Malaysia merupakan salah satu daripada rangkaian Global Design Thinking Association (GDTA) bersama-sama dengan USA, UK, Sweden, Jerman, dan China; diperkenalkan untuk mengekalkan standard global terbaik dalam pengajaran dan kajian Design Thinking. Inisiatif yang pertama di bawah GDTA adalah pengenalan Coach Exchange Programme (CEP), di mana jurulatih yang terpilih daripada d.school akan terlibat dalam aktiviti pertukaran budaya bagi meningkatkan amalan kejurulatihan serta pembangunan program. Pelaksanaan CEP ini membuktikan tahap piawaian dan tahap kepakaran dalam kejurulatihan yang dimiliki oleh Genovasi d.school di peringkat antarabangsa.

Kejayaan program Design Thinking Genovasi d.school dalam menembusi industri perbankan dan korporat telah membawa kepada pengiktirafan Genovasi Malaysia sebagai salah satu skim pembangunan modal insan di bawah Asian Banking School (ABS) dan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).

Within this HPI D-School network, several initiatives were launched to protect, promote, and advance the Design Thinking practice. Genovasi Malaysia is a founding member of the Global Design Thinking Association (GDTA) together with the USA, UK, Sweden, Germany, and China; established to uphold the best global standards of Design Thinking teaching and research. The first initiative under the GDTA was the formalisation of the Coach Exchange Programme (CEP), where selected coaches from the d.schools embark on a cross-cultural exchange to further enhance coaching practices as well as programme development. The CEP demonstrates the standardisation and level of Genovasi d.school's coaching expertise on an international scale.

The success of Genovasi d.school's Design Thinking programmes in penetrating the banking and corporate industries have led to Genovasi Malaysia's recognition as a partner in the Asian Banking School (ABS) and Human Resource Development Fund (HRDF)'s dedicated human capital development schemes.



The five-process of Design Thinking by Genovasi Malaysia
Lima proses of Design Thinking oleh Genovasi Malaysia

Designing Malaysia: Mencetuskan sebuah Negara Pemikir

Sejak pelancarannya pada 1 Ogos 2012, Genovasi Malaysia telah melaksanakan visi dan misinya dalam menerapkan Design Thinking dalam segenap spektrum masyarakat melalui d.school dan telah berjaya menghasilkan lebih 3,000 Duta Inovasi daripada sektor awam dan swasta. Hasil daripada program DTIA, alumni Genovasi d.school telah pun mula menerapkan Design Thinking dalam kementerian/agensi mereka; antaranya Kementerian Luar Negara (MOFA), MITI, dan MOH.

Persatuan alumni Genovasi-MOFA yang dibentuk secara dalaman telah mengadakan beberapa bengkel berkaitan Design Thinking yang dibuka kepada semua kakitangan, serta Hari Sukan Negara yang bertemakan '12 Commandments' (pemikiran dan tindakan) Design Thinking dalam aktiviti-aktiviti yang dijalankan. Genovasi d.school turut dijemput menjadi tetamu istimewa pada Hari Inovasi MOFA 2017.

Designing Malaysia: Sparking a Nation of Thinkers

Since its launch in August 1, 2012, Genovasi Malaysia has upheld its vision and mission to embed Design Thinking in all spectrums of society through Genovasi d.school in graduating more than 3,000 Innovation Ambassadors from the public and private sectors. Beyond the DTIA programme, Genovasi d.school alumni have gone on to practise Design Thinking within their ministries/agencies – Ministry of Foreign Affairs (MOFA), MITI, and MOH are standout examples.

The Genovasi-MOFA alumni association was formed internally to organised a number of Design Thinking related workshops which were opened to all staff. A Design Thinking themed 'Hari Sukan Negara', was also held incorporating the 12 commandments (mind-sets and behaviours) of Design Thinking in the activities. In addition, Genovasi d.school was invited as a special guest in the MOFA Hari Inovasi 2017.



Dengan keyakinan bahawa Design Thinking akan membawa perubahan yang positif dalam perkhidmatan awam, Kementerian Pendidikan & Latihan Vietnam dengan sokongan World Bank telah menjemput Genovasi Malaysia ke Vietnam untuk merangka projek, meninjau dan merancang pelancaran program DTIA bagi pekerja perkhidmatan awam di Vietnam. Ini akan membantu anjakan perubahan bagi negara-negara CLMV, serta meningkatkan hubungan bilateral yang bukan sahaja akan membawa ASEAN ke hadapan, malah menambahbaik kedudukan Malaysia sebagai peneraju dalam bidang Design Thinking dalam Komuniti Ekonomi ASEAN.

Pada masa yang sama, alumni MITI telah menerima sokongan penuh daripada Ketua Pengaruhnya untuk mempraktikkan Design Thinking sebagai sebahagian daripada budaya kerja merentasi tahap dan jabatan yang berbeza serta penubuhan sebuah pasukan Design Thinking khas bagi projek-projek mereka. Divisyen Pembangunan perubatan di Kementerian Kesihatan, Divisyen Pembangunan Perubatan telah menggunakan Design Thinking dalam Kajian Tindakan / program Kluster serta perancangan strategik bagi divisyen perkhidmatan klinikal.

Alumni Genovasi d.school juga telah didaftarkan sebagai ahli Design Thinking Association of Malaysia (DTAM), yang telah dilancarkan oleh Genovasi Malaysia. Antara ahli DTAM adalah alumni DTIA Genovasi d.school (daripada perkhidmatan awam), dan wakil daripada Astro, Maybank, Telekom, Kumpulan Media Karangkraf, Webe, dan Hong Leong Bank.

Acara interaktif yang telah disertai oleh 300 orang pemikir, Pengarah Akademik HPI D-School, Teaching Fellow Harvard, dan Pengarah Cina Institut Kong Zi, Universiti Malaya. Ketika majlis berlangsung, beberapa pengumuman penting telah dibuat termasuklah pelancaran program Design Thinking dalam Bahasa Malaysia dan Mandarin. Sarawak menjadi negeri pertama di Malaysia yang mengalui-alukan Design Thinking dalam perkhidmatan awam, dan akan menghantar lebih ramai pegawai kerajaan menghadiri DTIA sebagai sebahagian daripada Program Pengamalan Design Thinking (DTEP).

Turut diumumkan ketika acara sambutan 'Genovasi 5 Years ON...' adalah pelancaran Genovasi University College (GUC), sebuah universiti khas untuk Design Thinking bagi mendidik generasi akan datang yang berupaya untuk memenuhi kehendak dan tuntutan Industri 4.0.

Di bawah DTEP, Genovasi d.school telah menjalankan program premium DT Re.Bootcamp dengan kerjasama Razak School of Government di bawah program kepimpinan bagi calon-calon 'Leadership at the Peak'. Program ini merangkumi eksekutif perniagaan daripada sektor swasta dengan keupayaan dalam pelbagai disiplin dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan awam.

Convinced by the positive changes owing to Design Thinking in public service, the Vietnam Ministry of Education & Training with the support of World Bank invited Genovasi Malaysia to Vietnam to carry out project scoping, recce, and plan the launch of the DTIA programme for the public service personnel of Vietnam. This would help catalyse a quantum leap for CLMV countries, and enhance bilateral relations that would not only bring ASEAN forward but also position Malaysia as a Design Thinking leader in the ASEAN Economic Community.

At the same time, the MITI alumni have received full support from their Director General to adopt Design Thinking as their work culture through different levels and departments. The alumni has received support to form a Design Thinking dedicated team and working space for their projects. Among these projects are to redesign the innovation culture in MITI as well as apply Design Thinking to propel their activities under the National Blue Ocean Strategy (NBOS) initiatives. At MOH, its Medical Development Division used Design Thinking in their Action Research/cluster programmes, and in the strategic planning for their clinical services division.

Genovasi d.school's alumni have also taken up membership in the Design Thinking Association of Malaysia (DTAM), which was initiated by Genovasi Malaysia. Among the DTAM members are Genovasi d.school's DTIA alumni (from the public service), and representatives from Astro, Maybank, Telekom, Kumpulan Media Karangkraf, Webe, and Hong Leong Bank.

The interactive event was participated by 300 thought leaders, HPI D-School Academic Director, Harvard Teaching Fellow, and Chinese Director of Kong Zi Institute, University Malaya. During the event, several key announcements were made including the launch of the first Design Thinking programmes in Bahasa Malaysia and Mandarin, Sarawak being the first state in Malaysia to embrace Design Thinking in its civil service, pledging to send more government officers to attend DTIA as part of the Design Thinking Embedment Programme (DTEP).

Also announced at 'Genovasi 5 Years On...' was the launch of the Genovasi University College (GUC), a Design Thinking dedicated university to develop a future generation able to match the needs of Industry 4.0.

Under the DTEP, Genovasi d.school has conducted the premium DT Re.Bootcamp programme in collaboration with Razak School of Government under their leadership programme for "Leadership at the Peak" candidates. This programme included business executives from the private sector with multidisciplinary capabilities in improving the public service delivery.



Tahun 2017 juga telah menandakan ulang tahun ke 10 HPI D-School, yang diraikan ketika d.confestival di Jerman, iaitu sebuah festival Design Thinking yang mengalum-alukan ratusan pakar inovasi dan pemikir kreatif dari seluruh dunia. Genovasi Malaysia telah dijemput sebagai tetamu istimewa untuk menyertai d.confestival yang membariskan aktiviti-aktiviti seperti bengkel dan ceramah oleh organisasi seperti Google, SAP, dan Bosch.

Dalam menyemai pertumbuhan kemahiran kaki tangannya, Genovasi Malaysia telah melancarkan Coach Apprenticeship Programme (CAP) bagi memberi latihan kepada individu yang berkebolehan menjadi jurulatih Design Thinking untuk Genovasi d.school.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Genovasi Malaysia akan terus membangunkan Duta Inovasi yang dilengkapi dengan Design Thinking sebagai kemahiran asas untuk mengembangkan kemahiran dan kepakaran, terutamanya dalam pemikiran sistematis dan penyelesaian masalah dengan kreatif. Antara pihak yang bakal menjalankan program DTIA adalah INTAN PTD Khas, Tentera Laut DiRaja Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia dan kohort lain dari alumni kementerian/agensi. Tambahan lagi, alumni Genovasi-MITI akan membentangkan idea-idea mereka hasil daripada pengamalan Design Thinking ketika MITI Brainstorming 2018, yang dijangka bakal menarik minat ratusan penyertaan pengurusan kanan.

Dengan rancangan untuk menerapkan Design Thinking dalam kesemua spektrum masyarakat, Genovasi d.school akan mengadakan Program Design Thinking Junior (DTJP) bagi para pelajar yang berumur 10 ke 12 tahun. Sama dengan program-program yang lain, DTJP menyediakan aktiviti yang menarik, pengalaman sebenar, serta aplikasi Design Thinking melalui projek kerjasama dengan Zoo Negara.

Penyemaian budaya inovasi telah diperkuatkan lagi dengan penglibatan Genovasi d.school dalam Karnival HotSTEM, Sarawak dengan penganjuran Program Inovasi Rakyat oleh AIM. Genovasi d.school akan memperkenalkan para guru sekolah dengan pendekatan yang mesra pelajar bagi pengalaman pembelajaran di bilik darjah dengan menjalankan pecutan Design Thinking, sebuah pertandingan yang diadili oleh Menteri. Para pelajar sekolah juga bakal mendapat pengenalan tentang Design Thinking.

The year 2017 also marked HPI D-School's 10th anniversary, celebrated during the d.confestival in Germany, which is a Design Thinking festival that welcomes hundreds of innovation experts and creative thinkers from around the globe. Genovasi Malaysia was invited as special guests to participate in the d.confestival comprising workshops and talks led by among others Google, SAP and Bosch.

In cultivating its talent growth, Genovasi Malaysia launched the Coach Apprenticeship Programme (CAP) to develop capable individuals in becoming Design Thinking coaches for Genovasi d.school.

MOVING FORWARD

Genovasi Malaysia will continue to develop Innovation Ambassadors equipped with Design Thinking as a core competency to enhance existing skillsets and expertise, namely systematic reasoning and creative problem solving. In the pipeline to undergo the DTIA programme are the INTAN PTD Khas, Royal Malaysian Navy, National Library of Malaysia, and additional cohorts from alumni ministries/agencies. In addition, the Genovasi-MITI alumni will be presenting their ideas as a result of their Design Thinking practice at the MITI Brainstorming 2018, which is expected to draw over a hundred of their senior management.

Advancing the embedment of Design Thinking in all spectrums of society, Genovasi d.school will conduct its first Design Thinking Juniors Programme (DTJP) for students aged 10 to 12. Similar to its other programmes, DTJP promises a hands-on, real world learning and application of Design Thinking through a project partnership with Zoo Negara.

The inculcation of innovation was galvanised with the involvement of Genovasi d.school in Karnival HotSTEM, Sarawak in conjunction with AIM's "Program Inovasi Rakyat." Genovasi d.school will introduce to schoolteachers a user-centred approach to the classroom experience by conducting a Design Thinking sprint, culminating in a competition judged by the Minister. School students will also get a glimpse into Design Thinking through a teaser.



Yayasan Sarawak telah menerajui pengalaman Design Thinking dalam perkhidmatan awam di Sarawak dalam usaha menjadikan negeri itu sebagai negeri pertama di Malaysia yang menggalu-alukan konsep ini. Pengumuman ini telah diterapkan dalam rancangan untuk menubuhkan satu lagi d.school, Genovasi Sarawak d.school. Dengan perancangan untuk menubuhkan Sarawak d.school, Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dan UiTM Sarawak telah menunjukkan minat dalam menjadikan usaha ini satu kenyataan. Perancangan untuk melawat Genovasi Malaysia telah pun diatur bagi menjalankan perbincangan lanjut.

Genovasi d.school juga telah menarik minat KPerak untuk melatih para pegawainya di bawah model program DTIA dalam persediaan untuk penglibatan rakyat secara besar-besaran. Pada masa yang sama, Duta Inovasi akan diberikan peluang untuk mengguna pakai potensi yang mereka miliki bersama warga Perak dalam aktiviti ekonomi dan psikososial yang akan memberi kesan yang dapat dilihat. Ini juga bakal menerapkan kebanggaan sebagai rakyat Malaysia.

Selain dalam negara, Genovasi Malaysia dan Duta Thailand ke Malaysia TYT Damrong Kraikuan akan meneroka peluang untuk membawa Design Thinking kepada penjawat awam Thai bagi meningkatkan pembangunan sumber manusia. Kraikuan menyatakan minat yang mendalam dalam program Genovasi d.school bagi metodologi baru ke arah penyelesaian masalah dan mengutamakan empati dalam penyampaian perkhidmatan awam. Untuk merealisasikan impian itu, perbincangan masih dijalankan bagi jurulatih Genovasi d.school ditempatkan di Thailand dalam skala yang besar untuk bekerjasama dalam masa terdekat. Ini selaras dengan rancangan untuk menjana anjakan besar bagi negara-negara CLMV, memperkuat hubungan dua hala dalam kalangan negara-negara ASEAN, dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju Design Thinking dalam komuniti ekonomi ASEAN.

Mac 2018 menandakan Program Pertukaran Jurulatih (CEP) yang pertama dijalankan antara jurulatih terpilih daripada Genovasi d.school dan HPI D-School dalam usaha untuk menggalakkan pertukaran budaya melalui program dan pengalaman. CEP juga bertujuan untuk membangunkan dan meningkatkan amalan kejurulatihan dalam persekitaran profesional dan akademik. Sementara pertukaran jurulatih telah diadakan antara Genovasi d.school dan HPI D.School dan Stanford d.school, pelaksanaannya melalui CEP memastikan perkongsian berterusan dan pembangunan antara Design Thinking School yang mengamalkan model terbaik dan holistik berasaskan model HPI D.School.

Furthermore, Sarawak Foundation has taken the lead in advancing the call for Sarawak to be the first state in Malaysia to embrace Design Thinking in their civil service. This announcement has culminated in plans for the establishment of a sister d.school, Genovasi Sarawak d.school. In anticipation for the Genovasi Sarawak d.school, the Ministry of Welfare, Women and Family Development, and UiTM Sarawak have shown interest in realising these efforts. There are already plans to visit Genovasi Malaysia for further discussions.

Making a name for itself, Genovasi d.school has elicited the interest of KPerak to soon train its officers under the DTIA programme model in preparation for the largest rakyat-centred engagement event in the region. In doing so, these Innovation Ambassadors will be given the opportunity to release their fullest potential with fellow Perakians in an economic and psychosocial activity where results are visible. This in turn is set to instil a deep sense of pride among Malaysians.

Going beyond our home country, Genovasi Malaysia and the Thailand ambassador to Malaysia, HE Damrong Kraikuan will be exploring the possibility of bringing Design Thinking to the Thai civil service in order to help improve human resource development. Kraikuan expressed strong interest in Genovasi d.school's programmes for new methodologies towards problem solving and giving prominence to empathy for enhanced public service delivery. In order to truly bring the programmes to life, discussions are in progress for Genovasi d.school coaches to be deployed to Thailand for large scale collaborations in the near future. This goes in line with plans to catalyse a quantum leap for CLMV countries, enhance bilateral relations in ASEAN, and position Malaysia as a Design Thinking leader in the ASEAN Economic Community.

March 2018 will mark the first official Coach Exchange Programme (CEP) between selected coaches from Genovasi d.school and HPI D-School that will foster cross-cultural exchange regarding programmes and experiences. The CEP also aims to develop and further enhance coaching practices in academic and professional settings. While coach exchanges have taken place between Genovasi d.school with HPI D-School and Stanford d.school, its formalisation through the CEP ensures a continuous sharing and development between Design Thinking schools practising the best and most holistic model following that of HPI D-School.





**INOVASI UNTUK
MASYARAKAT DAN
OLEH MASYARAKAT**

INNOVATION FOR AND
BY SOCIETY





INOVASI SOSIAL:

INOVASI UNTUK MASYARAKAT, OLEH MASYARAKAT

Usaha untuk meningkatkan inovasi di segenap lapisan masyarakat adalah berdasarkan strategi khusus yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), iaitu Strategi F5 yang memperkuuhkan sistem kerjasama melalui pendekatan menyeluruh dalam masyarakat, dan Strategi F6 yang menggariskan pembangunan model pembiayaan sosial untuk menggalakkan pelaburan dari sektor swasta, yayasan, dan individu dalam penyampaian perkhidmatan sosial.

Sosial PPP: (Kerjasama Sosial Awam-Swasta)

Kerjasama Sosial Awam-Swasta adalah inisiatif yang menggembung kekuatan kerajaan, sektor swasta, dan sektor sosial untuk menangani masalah sosial dengan melihat kaedah-kaedah baru dalam menyampaikan perkhidmatan sosial. Sosial PPP berusaha untuk mengukuhkan kerjasama melalui 'pendekatan seluruh masyarakat', sebagai sebahagian daripada enam strategi yang dikemukakan dalam RMK11 untuk 'Menterjemahkan Inovasi kepada Kekayaan'.

Dana Sosial PPP ditubuhkan untuk menyediakan pembiayaan menerusi mekanisme geran yang sesuai - dengan nisbah 50% komitmen dari sektor swasta dan 50% pemberian daripada Kerajaan - untuk intervensi sosial yang berkesan dan inovatif yang disampaikan oleh sektor sosial. Dengan kerjasama Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) mengurus dan memantau projek Sosial PPP, manakala UKAS menguruskan kewangan dana Sosial PPP.

Pada tahun 2017, geran sepadan bernilai RM1,000,000 telah diperuntukkan untuk kempen "Sosial PPP: Merapatkan Jurang" untuk menyokong projek intervensi sosial yang lebih baik untuk masyarakat. Penyertaan yang diterima terdiri daripada cadangan projek baru atau projek intervensi sosial yang sedia ada.

SOCIAL INNOVATION:

INNOVATION FOR AND BY SOCIETY

Efforts to boost innovation at societal level are based on specific strategies outlined in the 11th Malaysia Plan including Strategy F5 which focuses on strengthening collaboration through a whole-society approach (WSA) and Strategy F6 which outlines the development of a social financing model to promote investment from the private sector, foundations, and individuals in delivering social services.

Sosial PPP: Social Public-Private Partnership

Social PPP taps into the strengths of the government, the private sector, and the social sector to address social disparities by looking at new ways of delivering social service. Social PPP strives towards 'strengthening collaboration' through a whole-society approach', as part of the six game-changer strategies put forth in the 11th Malaysia Plan for 'Translating Innovation to Wealth'.

The Social PPP Fund was established to provide funding through a matching grant mechanism - at a ratio of 50% commitment from the private sector and 50% grant from the Government - for effective and innovative social interventions delivered by the social sector. In collaboration with Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Agensi Inovasi Malaysia (AIM) manages and monitors the Social PPP projects, while UKAS manages the finances of the Social PPP fund.

In 2017, a total of RM1,000,000 worth of matching grant has been allocated for the Social PPP: Bridging the Gap campaign to support social intervention projects that will do better for the community. Entries can be new project proposals or existing social intervention projects.

Terdapat empat projek intervensi sosial yang telah siap pada akhir Disember 2017;

Eddy, aplikasi permainan pendidikan bahasa isyarat untuk komuniti cacat pendengaran dan bisu oleh Teknologi BAXS.

Program ini bertujuan untuk merevolusikan pendidikan bahasa isyarat dan membina interaksi lancar antara komuniti cacat pendengaran dengan seluruh dunia. Ia memperkenalkan sebuah aplikasi kamus mudah alih bersepada dan beranimasi 3D dalam Bahasa Malaysia yang pertama. Aplikasi ini telah meningkatkan pengalaman pengajaran dan pembelajaran bahasa isyarat untuk 200 kanak-kanak cacat pendengaran di bawah umur 12 tahun di Malaysia yang mengambil bahagian dalam pelbagai bengkel dan program sekolah.

House of Light, Pusat Pendidikan Khas untuk orang cacat penglihatan dan orang kurang upaya oleh SIGHT.

Sejumlah 50 pelajar kurang upaya menerima kemahiran yang membantu meningkatkan prestasi akademik mereka di sekolah. Pelajar-pelajar ini mendapat keyakinan diri dan dilengkapi dengan kemahiran untuk mewujudkan masa depan yang lebih baik untuk diri mereka sendiri. Perubahan positif ini akan membantu membasmi peminta sedekah dalam kalangan orang kurang upaya pada masa akan datang.

Program Sains, Teknologi, Bahasa Inggeris dan Matematik (STEM) Selepas Sekolah oleh Chumbaka.

Satu program STEM yang dijalankan selepas waktu persekolahan bagi melengkapai 200 pelajar di 10 sekolah dengan beberapa set kemahiran termasuklah dalam bidang "kemahiran pembuatan digital"; satu istilah berkaitan pendidikan teknologi di dalam bidang-bidang kepakaran seperti coding dan pembangunan laman web, selain daripada kemahiran insaniah dan kemahiran motivasi diri. Para pelajar telah memberikan maklum balas positif mengenai program ini, dan telah menunjukkan minat untuk terus meneroka pemikiran aras tinggi dalam mata pelajaran berkaitan STEM.

'Merisik Khabar', Program Khas untuk pelajar dan kanak-kanak autistik oleh Kelab De'BEST, UiTM Melaka.

Seramai 44 pelajar dan kanak-kanak autistik mendapat manfaat daripada penubuhan sebuah pusat sumber di bawah program ini yang menyediakan buku, bahan pembelajaran, peralatan komputer, kemudahan internet, dan taman sayuran yang membantu mewujudkan pengalaman melalui pelbagai deria untuk pelajar dan kanak-kanak autistik.

Four social intervention projects were completed by end of December 2017;

Eddy, a sign language educational game application for the hearing impaired and mute community by BAXS Technology.

This programme aims to revolutionise sign language education and build seamless interaction between the deaf communities with the rest of the world. It established the first 3D animated and integrated Malaysian Sign Language dictionary mobile application. This application has improved the teaching and learning experience of sign language for 200 deaf children below age 12 in Malaysia who took part in the various workshops and school programmes.

House of Light, a Special Education Center for visually impaired persons (VIP) and people with disabilities (PWD) by SIGHT.

A total of 50 students with disabilities received skillsets that improved their academic performance in schools. These students gained self-confidence and were equipped with skills to create a better future for themselves. These positive changes will help to eradicate beggars among people with disabilities in the future.

After-school Science, Technology, English and Mathematics (STEM) Programme at Schools by Chumbaka.

A programme for students at 10 schools where 200 students were equipped with right skillsets including but not limited to digital making skills, soft skills, and motivational skills. The programme resulted in the students showing more interest in STEM related subjects.

'Merisik Khabar', a Special Programme for Autistic students and/or children by Kelab De'BEST, UiTM Malacca.

A total of 44 autistic children benefitted from the establishment of the centre which provides books, learning materials, computer equipment, internet facilities, and a vegetable garden to provide autistic children with a variety of sensory experiences.



SOF: Social Outcome Fund

Pembangunan model pembiayaan sosial sedia ada yang digariskan di bawah Kertas Strategi RMK11, beroperasi melalui tiga cara:

- i. Pembiayaan sosial kerajaan & penyampaian perkhidmatan sosial - Kerajaan membiayai Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui pemberian geran dan juga menjalankan perkhidmatan intervensi sosial secara langsung, terutamanya melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan Jabatan Kebajikan Masyarakat.
- ii. Projek sosial oleh pihak persendirian atau korporat & Tanggungjawab sosial korporat – Inisiatif-inisiatif sosial terpilih yang dijalankan sebagai sebahagian daripada program CSR oleh syarikat-syarikat swasta dan yayasan.
- iii. Aktivis sosial – Kerja-kerja intervensi sosial yang dijalankan oleh organisasi tujuan sosial (SPO) termasuk NGO, keusahawanan sosial dan yang seumpamanya. Secara umumnya SPO disokong oleh sukarelawan, penderma swasta, dan inisiatif akar umbi yang lain.

Isu-isu dan batasan-batasan yang mengekang model pembiayaan sosial yang sedia ada termasuklah isu kemampuan dan peluasan peranan model ini; cabaran daripada peningkatan ketaksamaan serta kerumitan sosial; dan kerjasama yang tidak mencukupi antara kerajaan dan SPO; membawa kepada keadaan peruntukan sumber yang tidak cekap di ketika kita perlu memaksimumkan sumber yang ada.

Model Pembiayaan Perkhidmatan Sosial yang baru, seperti yang diterangkan dalam Rangka Kerja Kewangan Sosial, bertujuan untuk membolehkan intervensi sosial disampaikan melalui model “pembayaran berdasarkan hasil” yang melibatkan kerajaan, SPO, dan sektor swasta.

AIM telah menubuhkan SOF untuk memudahkan urusan pembiayaan melalui pembiayaan swasta, untuk SPO termasuk NGO, perniagaan serta keusahawanan sosial yang membangunkan dan melaksanakan projek-projek berfaedah untuk masyarakat dan yang mengikut keperluan kerajaan. SOF didasarkan kepada hasil kajian Penilaian Kemajuan Sosial (SPA) AIM yang mengukur kesan intervensi sosial melalui proses mengenal pasti dan menganalisa lebih daripada 500 ciri-ciri isu sosial, asas ukurannya dan kos unit untuk menyediakan perkhidmatan sosial yang berkaitan oleh kerajaan.

SOF: Social Outcome Fund

Under the 11th Malaysia Plan Strategy Paper, the existing social funding model, operates in three ways:

- i. Government social funding & service delivery. The government funds NGOs through grants and also delivers social interventions directly, primarily through the Ministry of Women, Family and Community Development, and the Department of Social Welfare.
- ii. Private or corporate social projects & CSR. Private companies and foundations run selected social initiatives as CSR, with the focus mostly given to corporate branding.
- iii. Social activism: social purpose organisations (SPOs) including NGOs, social enterprises, etc. Social interventions powered largely by volunteers, private donors, and other grassroots initiatives.

Issues and limitations of the current model include sustainability and scalability, rising social disparity and complexity, as well as insufficient collaboration between the government and SPOs. The combination leads to an inefficient allocation of resources at a time when it is imperative to maximise resources.

The new Social Service Financing Model, as described in the Social Finance Roadmap, aims to shift the paradigm in which social funding currently exists by enabling a payment-by-results model involving the government, SPOs, and the private sector.

AIM has established the SOF to facilitate funding opportunities through private funders, for SPOs including NGOs, social businesses, social enterprises, etc for the design and implementation of projects that have a beneficial, government-sanctioned, outcome on society. SOF is based on AIM's Social Progress Assessment (SPA) that quantified the impact of social intervention, identifying and analysing over 500 social indicators, their baselines and the unit cost of delivering associated social services by the government.

Melalui model SOF yang mensyaratkan "pembayaran berdasarkan hasil", AIM akan membayar balik jumlah yang dibelanjakan oleh pelabur swasta untuk menjalankan program intervensi sosial yang memenuhi keperluan AIM, tertakluk kepada pengesahan kejayaan program tersebut oleh penilai bebas. Infografik di bawah menunjukkan bagaimana model ini berfungsi.

Struktur SOF



SOF menyediakan RM3,000,000 untuk membantu SPO mencapai impak sosial melalui penyampaian intervensi sosial bagi mencegah isu-isu sosial yang dijelaskan di dalam SPA. AIM menerima hampir 40 cadangan program daripada SPO dan sebuah Jawatankuasa Pemilihan telah menyenaraikan lapan program intervensi yang akan dilaksanakan di bawah SOF.

Through SOF, AIM will reimburse the total funding amount provided by a private funder towards the social intervention programme as selected by AIM, subject to successful outcome of such a programme. The outcome of the programmes shall be assessed by an independent assessor. The infographic below shows how this model works.

SOF Structure

The SOF is providing RM3 million to assist SPOs to achieve social impact through delivering preventive social interventions to the social issues set out in the SPA. AIM received close to 40 proposals from SPOs and a Selection Committee shortlisted eight intervention programmes that will be carried out under the SOF.

	Social-Purpose Organisation (SPO)	Intervention Programme	Falling prey to abuse	Engaging in vice	Committing crime	Obstacles to education	Obstacles to employment	Obstacles to healthcare	Quality of living conditions
Direct Cost - Occurrence Cost									
1	Persatuan Kebajikan Suara Kanak-Kanak Malaysia (SUKA)	Empowered 2 Teach				✓			
2	Women of Will (WOW)	Women of Will Entrepreneurship Development Programme					✓		
3	The National Autism Society of Malaysia (NASOM)	NASOM Autism Intervention Programme						✓	
4	Global Peace Foundation Malaysia (GPF)	Communities Unite for Purewater (CUP)							✓
Indirect Cost - Preventive Cost									
5	Global Peace Foundation Malaysia (GPF)	MIDNIGHT FOOTBALL - "Off the Street, On the Ball"				✓			
6	Komuniti Intervensi Dadah Malaysia (KOMITED)	The KOMITED HELPLINE Mission		✓					
7	Protect And Save The Children	Stop It & Be Safe	✓						
8	Suriana Welfare Society Malaysia	The Childsafe Initiative	✓						



Dana SOF telah dilancarkan pada Persidangan Ekonomi Sosial dan Pelaburan (SEIC) 2017 dalam usaha untuk meningkatkan pelaburan dalam Ekonomi Sosial atau Ekonomi Rakyat di negara ini. Persidangan SEIC 2017 yang bertemakan “Pemangkin: Asas Ekonomi Sosial dan Perubahan Sistem untuk Ekonomi Sosial”, dianjurkan bersama oleh AIM, Malaysian Global Innovation & Creativity Centre Berhad (MaGIC), Youth Trust Foundation (myHarapan) dan British Council, serta disokong oleh World Bank Group.

Prinsip teras yang diketengahkan sepanjang persidangan SEIC 2017 adalah nilai interaksi yang berlaku di antara tiga sektor utama - sosial, swasta dan masyarakat. Ini adalah initipati pendekatan seluruh masyarakat yang digariskan dalam RMK11, dengan wawasan untuk membawa Ekonomi Sosial Malaysia ke depan dan menyumbang kepada persekitaran yang lebih inklusif, terbuka dan makmur untuk rakyat.

SIX Social Impact Exchange

Pada tahun 2017, AIM diamanahkan untuk memimpin inisiatif baru bersama-sama dengan MaGIC untuk membina senarai interaktif organisasi-organisasi yang menjalankan projek-projek sosial dengan matlamat utama untuk menangani masalah-masalah sosial di Malaysia.

Social Impact Exchange atau SIX adalah satu portal yang mewujudkan transformasi sosial melalui penubuhan sebuah bursa projek sosial yang pertama menyediakan “pembayaran untuk impak” melalui penyaluran sumber penajaan korporat yang belum diteroka kepada organisasi SPO yang berprestasi tinggi di Malaysia.

Ia adalah platform penyenaraian untuk SPO yang berprestasi tinggi serta berdedikasi untuk mencapai kesan sosial yang positif bagi rakyat melalui aktiviti intervensi sosial. SIX direka seperti sebuah bursa saham yang mengendalikan proses Saham Terbitan Awal (IPO) tetapi khusus untuk SPO yang akan melalui penilaian keupayaan, rekod prestasi, impak yang diunjurkan, kemampunan kewangan, keupayaan untuk berinovasi sebelum diterima untuk disenaraikan di SIX. Inisiatif SIX dijangka akan membuka laluan untuk pelaksanaan model pembiayaan sosial yang lebih inovatif untuk SPO.

SIX adalah pusat pembiayaan SPO dan/atau projek intervensi sosial oleh SPO. SIX meletakkan modal di tengah-tengah transformasi sosial dan menjadi pemangkin kepercayaan di antara pelbagai pemegang kepentingan awam, swasta dan masyarakat yang berkongsi platform dan satu matlamat untuk meningkatkan impak sosial melalui penyenaraian di SIX.

The Social Outcome Fund (SOF) was launched at the Social Economy and Investment Conference (SEIC) 2017 in a move to bolster investment in Malaysia's emerging Social Economy or People Economy. The SEIC 2017 themed Enablers: The Building Blocks of a Social Economy, and Unleashing Systemic Change for a Social Economy was jointly organised by AIM, Malaysian Global Innovation & Creativity Centre Berhad (MaGIC), The Youth Trust Foundation (myHarapan) and the British Council, supported by the World Bank Group.

A core principle that prevailed at SEIC 2017 was the value of interactions between three major sectors - social, private and public – as a whole-society approach that was outlined in the 11th Malaysia Plan, with a vision to bring Malaysia's Social Economy to the next level and contribute to a more inclusive, open and prosperous world for the *rakyat*.

SIX Social Impact Exchange

In 2017, AIM was also entrusted to lead a new initiative together with Malaysian Global Innovation and Creativity Centre (MaGIC) to build an interactive listing with the main objective to address problems of social issues in Malaysia.

The Social Impact Exchange or SIX is a portal that creates blue oceans in social transformation by establishing the first pay-for-impact exchange to channel untapped corporate resources for high-performing SPOs in Malaysia.

It is a listing platform for high performing social purpose organisations (SPOs) dedicated to achieving positive social impact for the rakyat through social intervention activities delivered for the local communities. SIX is designed to parallel a stock exchange wherein just like an IPO listing exercise, SPOs will be evaluated based on capacity, track record, projected impact, financial sustainability, measurement and innovation prior to listing on SIX. It is expected that SIX will pave the way for more innovative financing model for SPOs.

SIX is a focal point for funding SPOs and/or their social intervention projects. This exchange puts capital at the heart of social transformation by catalysing trust between the various public, private and societal stakeholders who share a common platform and goal of advancing impact for social transformation through SIX.



SIX adalah usaha sama antara AIM, MaGIC dan Kementerian Kewangan serta agensi-agensi kerajaan yang lain dan telah dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Komuniti Keusahawanan Global (GEC) 2017 yang diadakan pada 12 Disember 2017 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur.

SIX is a collaborative effort between AIM, MaGIC, Ministry of Finance (MOF), and other government agencies. Malaysia's First Pay-for-Impact Exchange called the Social Impact Exchange (SIX) was launched during the Global Entrepreneurship Community Summit (GEC) 2017 held on 12th December 2017 at the Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC).

PERANCANGAN MASA DEPAN

Bagi Sosial PPP, AIM telah bekerjasama rapat dengan sektor swasta dan pihak-pihak SPO dan telah mencadangkan projek intervensi sosial baru kepada Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) yang akan disiapkan menjelang akhir Disember 2018. Projek-projek ini masih dinilai oleh UKAS.

Berikutnya pelancaran SIX pada Disember 2017, lebih banyak kerjasama antara tiga sektor yang berbeza di bawah model Perkongsian Awam-Swasta (PPP) iaitu awam, swasta dan masyarakat akan dimanfaatkan dalam mewujudkan platform yang padu dan bersistematis yang merealisasikan pendekatan 'seluruh masyarakat' yang selari dengan Strategi F5 di dalam RMK11.

Setakat ini, lapan projek berimpak tinggi telah disenaraikan di platform SIX dan pembiayaan sebanyak RM1.4 juta telah diperolehi daripada sektor swasta untuk menyokong SIX. Kami berharap SIX akan membuka jalan untuk model pembiayaan yang lebih inovatif untuk pihak-pihak SPO. SIX akan menjadi pusat tumpuan untuk membiayai pihak-pihak SPO dan/atau projek intervensi sosial mereka.

Untuk peringkat seterusnya, SIX akan disepadukan dengan pasaran produk dan perkhidmatan perusahaan sosial kelolaan MaGIC yang sedang dibangunkan sebagai Akreditasi Perusahaan yang Didorong Impak (IDEA).

Dengan memanfaatkan kekuatan model PPP dan berdasarkan hasil penemuan kajian SPA, penubuhan SOF akan membolehkan pihak-pihak SPO untuk menyampaikan impak dari hasil pelaksanaan program intervensi sosial. Dengan SOF sebagai penanda aras, AIM telah mengenal pasti pembiayaan dan dermawan dengan aspirasi yang sama untuk meningkatkan hasil sosial dan mewujudkan nilai sosial untuk rakyat dengan membiayai projek berimpak yang tinggi yang disenaraikan di SIX.

MOVING FORWARD

For Social PPP, AIM has been working closely with the private sector and SPOs and has proposed new social intervention projects to UKAS that will be completed by the end of December 2018. These projects are still being evaluated by UKAS.

Following the launch of the Social Impact Exchange (SIX) in December 2017 more collaborations between the three different sectors under the Public-Private Partnership (PPP) model namely the Public, Private and the civil society will be harnessed in a cohesive and systematic platform realising the 'whole-society approach' which is aligned with Strategy F5 as stated in the 11th Malaysia Plan.

To date, we have listed eight high-impact projects on the SIX platform and managed to secure RM1.4 million funding which has been pledged from the private sector to support SIX. We hope that SIX will pave the way for more innovative financing model for SPOs. SIX will serve as a focal point for funding SPOs and/or their social intervention projects.

At a later stage, SIX will be integrated with MaGIC's marketplace for products and services of social enterprises which are currently being developed as MaGIC's Impact Driven Enterprise Accreditation (IDEA).

Building on the strength of PPP model and based from the findings of the Social Progress Assessment (SPA), an 'innovative financial model' called SOF allows the SPOs to deliver the expected impact and results in carrying out their social intervention programmes for the social well-being. With SOF as the benchmark, AIM has identified interested funders and philanthropists with the same aspiration to improve social outcomes and create social value for the rakyat by funding the high impact projects that are qualified to be listed on the SIX based on their performances.

Melangkah ke hadapan, lebih banyak projek berimpak lebih tinggi dijangka disenaraikan dengan SIX yang membolehkan kredibiliti pihak-pihak SPO diiktiraf daripada segi perkhidmatan sosial yang disampaikan kepada mereka yang memerlukan, berlatarbelakangkan hubungan yang berdaya maju dan memberi hasil kewangan dalam Ekonomi Sosial negara. Bagi pelan jangka pendek, AIM akan mengintegrasikan sejumlah projek Sosial PPP yang sebelum ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Impak Sosial (SIC) AIM ke dalam platform SIX bagi meningkatkan kecekapan kewangan dan/atau bantuan sosial yang lebih sistematis.

Moving forward, more high impact projects are expected to be listed on the SIX allowing the SPOs to be recognised by their credibility in delivering social services to those in need, in an empowering and monetised relationship within Malaysia's social economy. As for the short-term plan, AIM will be integrating its Social PPP projects that were earlier approved by AIM's Social Impact Committee (SIC) into the SIX platform which will lead to a more efficient and systematic social financial and/or assistance.





**MEMUDAHKAN
KOLABORASI
INDUSTRI-AKADEMIA**

FACILITATE
INDUSTRY-ACADEMIA
COLLABORATION





YAYASAN STEINBEIS MALAYSIA

Yayasan Steinbeis Malaysia (STMY) adalah sebahagian daripada rangkaian Steinbeis global dan merupakan sebuah organisasi tidak berdasarkan keuntungan yang ditubuhkan oleh Agensi Inovasi Malaysia (AIM) pada tahun 2014 untuk menangani cabaran industri yang dihadapi oleh syarikat-syarikat Malaysia melalui usaha pakar-pakar bidang yang membantu syarikat-syarikat ini menyelesaikan isu-isu teknikal dan bukan teknikal. Hingga akhir tahun 2017, Steinbeis telah membantu 391 syarikat melalui projek-projeknya, mencapai KPInya untuk tahun 2017 dengan 252 projek.

Pada tahun 2017, STMY menganjurkan dan mengambil bahagian dalam beberapa acara, melibatkan syarikat dari pelbagai industri. Antara lain, program ini membantu syarikat-syarikat memperolehi akses pasaran, mengoptimumkan kos perniagaan, mengautomasi proses dan bersedia menghadapi ekonomi digital; cabaran-cabaran umum yang dihadapi oleh perusahaan kecil dan sederhana (PKS) merentasi pelbagai industri. STMY membantu syarikat-syarikat ini dengan merumuskan dan mengatur pendekatan strategik yang kolektif.

Pada 21 Februari 2017, satu acara telah diadakan di Universiti Malaya untuk mengiktiraf peranan dan penglibatan pakar-pakar bidang serta syarikat-syarikat dalam strategi keseluruhan STMY untuk memudahkan kerjasama industri dan akademik. Sebanyak 44 pakar bidang dan 44 syarikat yang diiktiraf adalah dari industri dan akademia, yang mewakili kumpulan kepakaran dari nanoteknologi hingga bioinformatik.

Sijil-sijil pelantikan yang mengiktiraf mereka sebagai sebahagian daripada rangkaian global Steinbeis telah disampaikan kepada semua pakar bidang dan syarikat-syarikat yang terlibat. Acara itu juga mempamerkan produk-produk dari 10 syarikat yang mengambil bahagian.

STEINBEIS MALAYSIA FOUNDATION

Steinbeis Malaysia Foundation (STMY), as part of the global Steinbeis network, is a non-profit organisation set up by Agensi Inovasi Malaysia (AIM) in 2014 to address industrial challenges faced by Malaysian companies by tapping into an extensive pool of subject matter experts (SMX) who assist these companies resolve technical and non-technical issues. Up to the end of 2017, Steinbeis had assisted 391 companies via operationalised projects, achieving its KPI for 2017 with the operationalisation of 252 projects.

In 2017, STMY organised and participated in a number of events, engaging with a wide range of companies from various industries. Among others, these programmes were tailored to assist companies with gaining market access, optimising business costs, process automation and preparing for the digital economy; common challenges faced by small and medium enterprises (SMEs) across various industries. STMY assists these companies by formulating and organising collective strategic approaches.

On 21 February 2017, an event was held at Universiti Malaya to acknowledge the role and involvement of SMX and companies in STMY's overall strategy to facilitate industry-academia collaboration. The 44 SMX and 44 companies being acknowledged were from industry and academia, representing a pool of expertise ranging from nanotechnology to bioinformatics.

Certificates of appointments were presented to the SMX and the companies, which recognised them as being part of the global Steinbeis network. The event also showcased the products of 10 of the companies.

Program Perakuan & Pendaftaran Produk Perubatan

Untuk mengembangkan lagi skop bantuannya, STMY telah membangunkan Program Perakuan Perubatan dan Program Pendaftaran Produk yang khusus disasarkan kepada syarikat-syarikat peralatan perubatan. Program ini adalah tindakan susulan kepada arahan Pihak Berkuaasa Peranti Perubatan, di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia, untuk semua peniaga, pengedar dan pengilang peralatan perubatan mendapatkan pensijilan Amalan Pengedaran Baik bagi Peranti Perubatan (APBPP) untuk beroperasi di Malaysia.

STMY menyediakan bantuan teknikal dan nasihat yang diperlukan bagi syarikat untuk memperoleh pensijilan APBPP atau melaksanakan proses Pendaftaran Produk mereka. STMY juga telah membantu dua syarikat di bawah program ini pada tahun 2017 iaitu TS Diagnostics Sdn Bhd dan Arterial Global Sdn Bhd. TS Diagnostic mendapatkan bantuan untuk menjalankan penilaian pematuhan ke atas produk mereka, selaras dengan garis panduan APBPP.

Sebaliknya, Arterial Global memerlukan produk mereka disahkan sebelum masuk ke pasaran Malaysia. Kedua-dua syarikat ini dibantu oleh DQS Certification Sdn Bhd dan geran yang sesuai melalui Steinbeis Innovation Voucher (STIV). Kedua-dua projek ini telah diselesaikan dengan mematuhi keperluan ISO 13485 atau GDPMD.

Kemaskini Program Penilaian Kesediaan IPO

STMY membantu Rofarez Solutions Sdn Bhd, sebuah syarikat pembangunan perisian, menerusi Program Penilaian Kesediaan IPOnya. Salah satu produk yang ditawarkan oleh Rofarez Solutions adalah perisian Perakaunan Swan percuma yang membolehkan PKS merekodkan hasil harian sambil menjana pelbagai laporan perakaunan melalui sistem Pengkomputeran Awan tanpa memerlukan khidmat akauntan dalaman.

Perisian Perakaunan Swan membolehkan sebarang PKS beralih kepada ekonomi berdasarkan digital dengan sumber yang terhad. Rofarez Solutions telah menemui STMY pada 2016 mencari bantuan untuk mendapatkan akses pasaran, selain mengembangkan produk dan penyelesaiannya. Selain membantu syarikat menerusi Program Penilaian Kesediaan IPO, STMY telah membantu sebuah syarikat tersenarai di Bursa Malaysia, iaitu Systech Bhd, untuk memperolehi 49.99% daripada modal saham Rofarez Solution, yang membolehkan syarikat ini memainkan peranan yang lebih besar dalam inisiatif ekonomi digital yang dipromosikan oleh kerajaan Malaysia.

Medical Devices Certification & Product Registration Programme

To further expand its scope of assistance, STMY developed a Medical Device Certification and Product Registration Programme specifically targeted at medical devices companies. This programme is in response to a directive by Medical Device Authority, under the Ministry of Health Malaysia, for all medical device traders, distributors and manufacturers to obtain Good Distribution Practice for Medical Devices (GDPMD) certification in order to operate in Malaysia.

STMY provided the necessary technical assistance and advisory role for companies to acquire the GDPMD certification or executing their Product Registration process. STMY assisted two companies under this programme in 2017 namely, TS Diagnostics Sdn Bhd and Arterial Global Sdn Bhd. TS Diagnostics sought assistance for a conformity assessment to be performed on their products, in compliance with the GDPMD guidelines.

Arterial Global, on the other hand, needed their products verified prior to entry into the Malaysian market. Both these companies were assisted by DQS Certification Sdn Bhd and a matching grant via the Steinbeis Innovation Voucher (STIV). Both projects have been completed in compliance with the ISO 13485 or GDPMD requirements.

IPO Readiness Assessment Programme Update

STMY assisted Rofarez Solutions Sdn Bhd, a software development company, through its IPO Readiness Assessment Program. One of the products offered by Rofarez Solutions is the free Swan Accounting software that allows SMEs to record daily revenue while generating GST and P&L reports without the need for an in-house accountant, via a Cloud Computing system developed by the company.

The Swan Accounting software enables SMEs to smoothly transition to a digital-based economy on limited resources. Rofarez Solutions had approached STMY in 2016 seeking assistance for market access and expansion of its products and solutions. Apart from assisting the company through IPO Readiness Assessment Program, STMY had facilitated a listed company, Systech Bhd, to acquire 49.99% of Rofarez Solution's share capital, ensuring the company a larger role in the digital economy initiatives promoted by the Malaysian government.



Pengambilalihan Rofarez Solutions diumumkan di laman web Bursa Malaysia pada 25 Mei 2017. Satu sidang akhbar dan majlis menandatangani perjanjian telah diadakan bagi mengumumkan pemerolehan saham ini di ibu pejabat Systech Berhad di Kuala Lumpur pada 30 Mei 2017. Rofarez Solutions telah dinamakan semula sebagai Syscode Sdn Bhd selari dengan syarikat induknya Systech Bhd.

Ekonomi Digital, Keselamatan Siber dan Pengkomputeran Awan

Bagi membantu memacu ekonomi digital Malaysia STMY telah menganjurkan Seminar Ekonomi Digital setengah hari pada April 2017 di Kuala Lumpur melalui satu kerjasama antara Dataviz.my, Systech Berhad dan Rofarez Solutions.

Seminar ini disertai oleh PKS yang ingin meningkatkan pengetahuan mereka dan memperkuuh perniagaan mereka dengan kaedah yang diperlukan untuk mengemudi landskap perniagaan baru dalam bidang sains data, keselamatan siber dan perakaunan awan. Dengan SME Corp Malaysia menyasarkan penyertaan 1,500 PKS di Zon Perdagangan Bebas Digital Malaysia (DFTZ) pada tahun 2017, seminar itu telah membantu mewujudkan kesedaran tentang risiko dan peluang yang menunggu syarikat-syarikat yang ingin terlibat.

Untuk terus membantu syarikat yang beralih kepada ekonomi digital, satu bengkel mengenai perakaunan awan oleh Rofarez Solutions telah diadakan dengan kerjasama SME Corp Malaysia pada bulan Julai. Rofarez Solutions, dinamakan semula sebagai Syscode Sdn Bhd, juga menawarkan langganan satu tahun percuma untuk perisian Swan Cloud Accounting.

Bengkel SME dengan Syarikat Jaminan Kredit Malaysia Berhad (CGC)

STMY bekerjasama dengan CGC untuk satu siri bengkel yang diadakan di pelbagai lokasi di seluruh negara dengan menyediakan pakar-pakar bidang untuk mengadakan sesi ceramah dengan PKS mengenai topik Mendapatkan Akses Pasaran dan Mengoptimumkan Kos Perniagaan.

The acquisition of Rofarez Solutions was announced on Bursa Malaysia's website on May 25, 2017 and a press conference and signing ceremony to announce the acquisition was held at the Systech Berhad headquarters in Kuala Lumpur on May 30, 2017. Rofarez Solutions has been renamed as Syscode Sdn Bhd to be in line with its parent company Systech Bhd.

Digital Economy, Cybersecurity and Cloud Computing

In a collaboration with Dataviz.my, Systech Berhad and Rofarez Solutions aimed at driving the Malaysian digital economy, STMY organised a half-day Digital Economy Seminar in April 2017 in Kuala Lumpur.

The seminar was joined by SMEs looking to increase their knowledge and fortify their businesses with the tools required to navigate the new business landscape in the areas of data science, cybersecurity and cloud-based accounting. With SME Corp Malaysia targeting 1,500 SMEs to join the Malaysian Digital Free Trade Zone (DFTZ) in 2017, the seminar had helped create awareness of both the risks and opportunities awaiting companies wishing to embark on this journey.

To further assist companies transitioning to a digital economy, a workshop on cloud accounting by Rofarez Solutions was held in collaboration with SME Corp Malaysia in July. Rofarez Solutions, renamed as Syscode Sdn Bhd, also offered a free one-year subscription to its Swan Cloud Accounting software.

SME Workshops with Credit Guarantee Corporation (CGC)

STMY collaborated with CGC for a series of workshops held at different locations across the country by providing subject matter experts to speak to SMEs on the topics of Gaining Market Access and Optimising Business Costs.

Sebagai sebahagian daripada topik Mendapatkan Akses Pasaran, para peserta telah diberi bimbingan dan pandangan oleh para pakar industri dalam usaha mendapatkan pensijilan berkaitan dengan pasaran seperti Amalan Pengilangan Yang Baik (GMP), Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Halal, serta mekanisma untuk meletakkan produk mereka di pasaran. Siri bengkel ini disasarkan kepada PKS yang sudah bersedia untuk membekalkan produk mereka ke dalam pasaran runcit fizikal serta dalam talian. Maklumat telah dikongsi bersama oleh pembeli produk berpengalaman dan perunding industri, serta syarikat produk makanan tempatan yang telah berjaya menembusi pasaran tempatan dan luar negara dengan herba dan rempah-rempah Malaysia. Selepas kejayaan di Selangor dan Pahang, lebih banyak bengkel ini akan diadakan di negeri-negeri lain di seluruh negara.

Bengkel bertemakan Pengoptimaan Kos Perniagaan yang pertama telah diadakan di Pulau Pinang dengan pakar-pakar yang menangani topik seperti perakaunan awan, kecekapan pengurusan dan pengekalan rekod pembayaran yang baik. Bengkel ini telah dihadiri oleh syarikat-syarikat di peringkat awal perniagaan yang berusaha untuk melaksanakan strategi pengurusan perniagaan yang berkesan. Penceramah dari industri dan akademia menyediakan bengkel yang menyeluruh merangkumi pengetahuan teori dan aplikasi dunia sebenar.

Sesi Perundingan One-on-One

Terdahulu pada tahun 2017, dua sesi perundingan One-on-One telah diadakan di Kompleks Pengurusan & Inovasi Penyelidikan, Universiti Malaya, di mana setiap wakil-wakil syarikat berpeluang bertemu selama 30 minit secara bersemuka dengan pakar Steinbeis yang berkaitan untuk membincangkan masalah mereka. Pakar-pakar yang hadir adalah dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia. Sesi pertama pada bulan Januari difokuskan terutamanya kepada syarikat dari sektor F&B, manakala sesi kedua pada bulan Februari meliputi pelbagai bidang dari sistem elektrik dan kawalan kepada bidang pembangunan mampan.

Bersempena dengan Persidangan Biomass Antarabangsa Malaysia 2017 yang diadakan di Kuching pada bulan Oktober, Steinbeis menganjurkan sesi perundingan One-on-One untuk syarikat-syarikat di Sarawak dengan kerjasama AliBaba, SME Niaga Online Sarawak dan Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Sesi ini bertujuan untuk mempersiapkan sektor PKS Sarawak untuk pasaran e-Dagang global.

As part of the Gaining Market Access series, participants were given advice and insights by industry experts on obtaining market-relevant certification such as Good Manufacturing Practice (GMP), Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP) and Halal, as well as the mechanics of getting their products to market. This series of workshops is targeted at SMEs preparing to get their products into the retail market, both for brick and mortar and online stores. The insights were provided by experienced product buyers and industry consultants, as well as a local food product company that has successfully penetrated local and overseas markets with their selection of Malaysian herbs and spices. After the success of the events in Selangor and Pahang, more of these workshops have been scheduled to be held in other states around the country.

The first of the Optimising Business Costs series was held in Pulau Pinang with experts tackling topics such as cloud accounting, management efficiency and maintaining good payment records. This workshop was attended by companies in the early stages of business and seeking to implement effective business management strategies. The speakers from industry and academia, provided a well-rounded workshop encompassing theoretical knowledge and real-world applications.

One-On-One (1on1) Consultancy Sessions

Earlier in 2017, two 1on1 consultancy sessions were held at the Research Management & Innovation Complex, University of Malaya, enabling companies to spend 30 minutes each with a relevant Steinbeis expert to discuss their problem statements. The experts were from Universiti Kebangsaan Malaysia and Universiti Putra Malaysia. The first session in January focussed primarily on companies from the F&B sector, while the second session in February covered areas ranging from electrical and control systems to sustainable development.

In parallel with the International Biomass Conference Malaysia 2017 held in Kuching in October, Steinbeis organised a 1on1 consultancy session for Sarawak-based companies in partnership with AliBaba, Sarawak SME Niaga Online and Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). The sessions were aimed at preparing Sarawak-based SMEs for the global e-Commerce market.

Penglibatan Lain

Persatuan Pengilang Plastik Malaysia (MPMA) menganjurkan beberapa siri pameran untuk ahli mereka di wilayah tengah, utara dan selatan. Sesi perbincangan isu serta perkembangan terbaru industri plastik ini telah mengundang STMY, serta agensi kerajaan lain seperti Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan SME Corp Malaysia, selain daripada rakan kongsi industri yang lain termasuk Universiti Kuala Lumpur (UniKL MICET). Tajuk-tajuk yang telah diutarakan adalah berkaitan dengan sokongan pembiayaan, isu-isu tenaga buruh dan ekosistem sokongan kerajaan semasa untuk industri plastik.

Selain daripada program-program ini, STMY juga telah menyediakan bantuan individu kepada syarikat-syarikat yang menghadapi masalah tertentu, yang tidak dibincangkan di dalam inisiatif-inisiatif yang dinyatakan di atas, dengan menggunakan khidmat pakar-pakar bidang berpengalaman dari industri dan akademia. Pakar-pakar Steinbeis ini menyediakan perundingan peribadi untuk syarikat-syarikat, menangani isu-isu unik mereka serta menawarkan penyelesaian khusus bagi masalah mereka.

Other Engagements

The Malaysian Plastics Manufacturers Association (MPMA) organised a series of roadshows for their members in the central, northern and southern regions and had invited STMY, as well as other government agencies such as Malaysian Investment Development Authority (MIDA) and SME Corp Malaysia and industry partners including University of Kuala Lumpur (UniKL MICET) to speak about the latest issues and developments within the plastics industry. The topics covered were relevant to funding support, labour concerns and the current government support ecosystem for the plastics industry.

Apart from these programmes, STMY also provided individual assistance to companies facing specific problem statements that were not covered by the abovementioned initiatives, by tapping into its pool of subject matter experts comprising experienced individuals from industry and academia. These Steinbeis experts provide personalised consultations for the companies, addressing their unique concerns and providing customised solutions for their problems.

Usahasama dengan Steinbeis Korea

STMY dan Steinbeis Korea telah menganjurkan satu acara business matching di PWTC, Kuala Lumpur pada Julai 2017. Steinbeis Korea diiringi oleh delegasi syarikat Korea dari industri kosmetik. Matlamatnya adalah untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat-syarikat Malaysia untuk perdagangan dua hala. Sebanyak 20 syarikat Malaysia mengambil bahagian dalam program ini, dan tiga syarikat Malaysia telah memeterai perjanjian pengedaran dengan syarikat-syarikat Korea yang dijangka bermula menjelang akhir tahun 2018 atau awal 2019 bergantung kepada kelulusan pihak berkuasa di kedua-dua negara.

Partnership with Steinbeis Korea

STMY and Steinbeis Korea jointly organised a business matching event in PWTC, Kuala Lumpur in July 2017. Steinbeis Korea was accompanied by a delegation of Korean companies from the cosmetics industry. The aim was to create partnerships with Malaysian companies for bilateral trade. A total of 20 Malaysian companies participated in this business match-making programme, and three Malaysian companies entered into potential distribution agreements with the Korean companies. Product distribution was expected to take place by the end of 2018 or early 2019 pending regulatory approvals in each country.

Steinbeis Day di Stuttgart Jerman

STMY menghadiri Hari Steinbeis di Stuttgart, Jerman yang diadakan pada akhir September 2017. Acara tahunan ini mengumpulkan semua rakan kongsi Antarabangsa Steinbeis Network, di mana STMY melakukan perbincangan dengan Steinbeis Japan Network yang diwakili oleh Taman Sains Kanagawa untuk meneroka potensi menggembungkan rangkaian pakar untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia. Perbincangan dan perancangan selanjutnya akan diadakan dengan Steinbeis Japan.

Steinbeis Day in Stuttgart Germany

STMY attended the Steinbeis Day in Stuttgart, Germany that was held at the end of September 2017. This annual event gathers all International Steinbeis Network partners, during which STMY carried out discussions with Steinbeis Japan Network represented by Kanagawa Science Park to explore the potential of engaging the network of experts to assist Malaysian companies. Further discussion and planning will be carried out with Steinbeis Japan.




PERANCANGAN MASA HADAPAN

Selaras dengan Rancangan Malaysia ke-11 untuk meningkatkan produktiviti keseluruhan negara, STMY berhasrat untuk meningkatkan jumlah projek yang akan dilaksanakan di samping melibatkan lebih banyak syarikat-syarikat tempatan yang mencari bantuan perniagaan. Ini akan dilakukan oleh STMY untuk meningkatkan peranannya sebagai saluran untuk memajukan industri Malaysia dengan memanfaatkan akses yang ada ke rangkaian global Steinbeis yang meliputi lebih 50 negara.

MOVING FORWARD

In line with the 11th Malaysia Plan to boost the nation's overall productivity, STMY aims to increase the number of projects it will be undertaking, and engaging more local companies seeking business assistance by leveraging its access to the extended Steinbeis global network encompassing more than 50 countries, in order to boost its role as conduit for progressing Malaysian industries.





MENTRANSFORMASI SEKTOR STRATEGIK

TRANSFORMING
STRATEGIC SECTORS



STRATEGI BIOMAS NASIONAL

Strategi Biomas Nasional 2020 (NBS2020)

Industri biomas Malaysia termasuk biomas kelapa sawit dan lain-lain, dijangka dapat mewujudkan tambahan RM30 bilion dalam Pendapatan Negara Kasar (PNK); pelaburan bernilai RM25 bilion; 60,000 pekerjaan bernilai tinggi; serta membantu mengurangkan pelepasan CO₂ negara sebanyak 12%. NBS 2020 adalah pelan tindakan untuk membangunkan sumber biomas Malaysia menjadi portfolio aktiviti hiliran bernilai tinggi; contohnya tenaga daripada biomas, bahan api bio, dan biokimia.

Pelan Pembangunan Industri Biomas Sabah dan Sarawak (SBIDP)

Dilancarkan pada Februari 2016, kedua-dua pelan ini telah dijalankan dengan kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terlibat dalam tahun 2017.

AIM telah memperolehi kepercayaan serta sokongan sektor awam dan swasta di Sabah dan Sarawak dalam inisiatif ini yang bertujuan untuk memaksimumkan potensi biomas bagi negara, bermula dengan dua negeri Malaysia Timur ini yang menyumbang lebih daripada 50% jumlah keseluruhan biomas yang dihasilkan dalam negara. Kedua-dua rancangan itu berpotensi menjana RM8.0 bilion dalam PNK, mewujudkan 55,000 pekerjaan dan menarik pelaburan RM31.5 bilion di Malaysia Timur.

NATIONAL BIOMASS STRATEGY

National Biomass Strategy 2020 (NBS 2020)

Malaysia's biomass industry which includes but not limited to oil palm biomass, stands to deliver RM30 billion in additional GNI, RM25 billion in investments, 60,000 higher value jobs, as well as help reduce the country's CO₂ emissions by 12%. The NBS 2020 is a blueprint for developing Malaysia's biomass resources into a portfolio of sustainable high-value downstream activities eg; bioenergies, biofuels, and biochemicals.

Sabah and Sarawak Biomass Industry Development Plan (SBIDP)

Launched in February 2016, both the plans have proceeded with close collaboration between the Federal and State Governments involved in 2017.

AIM has gained the trust and support of the public and private sectors in Sabah and Sarawak in this initiative aimed at maximising the biomass potential for the country, beginning with the two East Malaysia states that account for more than 50% of the biomass generated in the country. Both plans could potentially generate RM8.0 billion in GNI, create 55,000 jobs and attract RM31.5 billion in investment in East Malaysia.

Pembentukan perkongsian bagi mengoptimumkan potensi biomas di peringkat negeri adalah penting untuk memastikan pembangunan berterusan dan kemampuan yang diperjuangkan dan dikembangkan bersama dengan Kerajaan Negeri. Kajian yang dijalankan akan mengesyorkan pelan tindakan spesifik di peringkat negeri selepas menilai potensi biomas sebenar dan aktiviti hiliran pilihan dengan mengambil kira penggunaan biomas semasa, implikasi kos dan pembangunan infrastruktur sedia ada untuk menyokong industri baru ini. Dengan adanya pelan tindakan ini, sumber yang ada boleh dioptimumkan untuk impak maksimum bagi kedua-dua negeri.

The forming of partnerships to optimise the State level potential for biomass is crucial to ensure continued development and self-sustainability that is championed and co-developed with the local State Governments. The study conducted will develop specific action plans at the State level after assessing the real biomass potential and downstream options taking into account current consumption, cost implications and development of existing infrastructure to cater for this new industry. With that, there could be focused delivery to optimise resources for maximum impact for both states.

Konsep BioHub

Industri biomas telah dikenalpasti sebagai salah satu industri utama untuk masa depan Sarawak yang dijangka menjadi hab bio utama untuk rantau ini. Dengan pembangunan SBIDP, Sarawak telah melancarkan strategi yang jelas untuk memacu dan mempercepatkan pertumbuhan industri ini di Malaysia bagi mewujudkan hasil kekayaan dan asas baru bagi pertumbuhan ekonomi yang mampan untuk Sarawak dan negara.

BioHub Concept

The biomass industry has been identified as one of the key industries for the future of Sarawak which is poised to be the Premier Bio-hub for this region. With the development of the SBIDP, Sarawak has embarked on a clear strategy to spur and expedite the growth of this industry in Malaysia as a new wealth creation and pillar for sustainable economic growth for Sarawak and the nation.

Malaysia's Bio-Hub Concept





Kerjasama biomas antara AIM dan PIB Palmares Consortium, Belanda

Pada April 2017, AIM menandatangani MoU dengan PIB Palmares Consortium yang mewakili konsortium lapan syarikat Belanda iaitu Stichting Energieonderzoek Centrum Nederland (ECN), Blackwood Technology, DMT Environmental Technology, Energy Transformers, Royal Dahlman, Witteveen Bos, Paques dan Pusat Penyelidikan Wageningen. Kumpulan syarikat inovatif dan institusi pengetahuan Belanda ini membina perkongsian baru dengan rakan-rakan Malaysia dalam bidang biomas kelapa sawit, dengan misi untuk membangunkan penyelesaian mampan bagi sisa minyak sawit Malaysia. Kerjasama ini membolehkan Malaysia memanfaatkan pengetahuan dan kemajuan teknologi Belanda untuk membina keupayaan rakyat tempatan dan teknologi yang dibangunkan di dalam negara.

Kerjasama Biobutanol Generasi Kedua (2G) dengan GS Caltex Korea

Selepas menandatangani dua MoU pada bulan Oktober 2016, GS Caltex (GSC) akan menilai kemungkinan pembangunan loji Biobutanol di Sabah dan Sarawak, yang mempunyai potensi besar untuk menjadi peneraju dalam industri biomas bernilai tinggi. GSC merupakan antara dua syarikat minyak dan gas yang memiliki lebih daripada 3,500 stesen minyak di Korea Selatan.

Satu kajian kebolehlaksanaan yang dijalankan bersama oleh GSC dan syarikat tempatan, iaitu Biomass Green Technology (BGT) di Sabah dan Biomass Renewable Resources (BRR) di Sarawak, untuk meneroka potensi sebenar dalam bidang ini di kedua-dua negeri, yang disokong oleh AIM. Ini adalah kolaborasi yang menggabungkan teknologi GSC yang sedia ada dengan pembekalan bahan mentah di Sabah dan Sarawak. Kajian kebolehlaksanaan juga akan menentukan daya maju rantaian nilai aktiviti hulu dan hilir untuk memastikan pembangunan projek yang mampan dan berpanjangan.

Biomass Collaboration between AIM and PIB Palmares Consortium, the Netherland

In April 2017, AIM signed a MoU with PIB Palmares Consortium enlisting eight Dutch companies under the consortium namely, Stichting Energieonderzoek Centrum Nederland (ECN), Blackwood Technology, DMT Environmental Technology, Energy Transformers, Royal Dahlman, Witteveen Bos, Paques and Wageningen Research Centre. These innovative Dutch companies and knowledge institutes aim to build new partnerships with Malaysian counterparts in the field of oil palm biomass, with a mission to develop sustainable solutions for Malaysian palm oil residues. The collaboration will enable us to leverage on their knowledge and technological advancement to build local capabilities and home grown technologies.

Second Generation (2G) Biobutanol Collaboration with GS Caltex of Korea

With the signing of two MoUs in October 2016, GS Caltex (GSC) (which is among the top two oil and gas companies in Korea that owns more than 3,500 petrol stations in South Korea alone) will assess the feasibility of building Biobutanol plants in Sabah and Sarawak, which have great potential to become the leader in higher value biomass industries.

The feasibility study is a collaboration effort between GS Caltex and local companies, i.e. Biomass Green Technology (BGT) in Sabah and Biomass Renewable Resources (BRR) in Sarawak, to explore the real potential in this area in these two states, supported by AIM. This is a synergistic collaboration based on GS Caltex's pre-existing technology and the supply of feedstock in Sabah and Sarawak. The feasibility study will also determine the viability of upstream and downstream value chains to ensure sustainable and long term development of this project.

Projek Kolaborasi Biofuel dan Sisa Pepejal Perbandaran (MSW)

Mengubah sisa pepejal perbandaran (MSW) menjadi sumber tenaga dan bukannya pengisi tempat pelupusan sampah adalah salah satu matlamat strategik di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 dan merupakan satu inisiatif yang bertujuan untuk memperbaiki pengurusan sisa buangan di dalam negara. Matlamat strategik ini mensasarkan penubuhan loji untuk menghasilkan biogas komersil yang akan menjadi bahan api kenderaan pengangkutan hijau dengan MSW sebagai sumber biomass pilihan.

Kerjasama AIM dengan Scania terus memajukan potensi membina loji biogas atau bahan api bio berasas MSW di Malaysia Timur bersama-sama dengan syarikat pengurusan sisa pepejal yang berpotensi dan penyedia teknologi untuk mengerakkan kenderaan pengangkutan hijau.

Persidangan Biomas Antarabangsa Malaysia (IBCM) 2017

IBCM adalah acara tahunan antarabangsa yang mengumpulkan para peserta industri utama, penyedia teknologi & penyelesaian, saintis dan pihak berkepentingan biomas utama untuk berkongsi pandangan, meneroka peluang perniagaan dan model perkongsian untuk memajukan agenda industri biomas. Acara tahunan ini menjadi platform untuk menghubungkan perspektif komuniti biomas serantau dan global, membincangkan isu-isu utama pasaran, bertukar maklumat, dan mempelajari trend pasaran terkini.

Bagi IBCM 2017, seramai 1,226 peserta menghadiri persidangan dengan penyertaan industri yang signifikan (54%) di semua peringkat. Para peserta utama adalah Novozymes, PETRONAS, PERTAMINA, Dahlman, ECN, Leaf Resources, Claeris, Poiry, Scania, Frost & Sullivan, Argus Media, Paques, Blackwood, RVO, SystemIQ, GS-Caltex, SK Chemicals, Shin Nippon, dan eksekutif peringkat C.

Biofuels Collaboration and Municipal Solid Waste (MSW) Project

Turning municipal solid waste (MSW) or bioresidues into an energy resource rather than landfill filler is one of the strategic aims under the 11th Malaysia Plan and is an initiative that aims to improve the country's waste management. The culmination of this strategic aim is the setting up of plants for producing commercial biogas plants that will power green transportation vehicles with MSW as the preferred biomass source.

AIM in collaboration with Scania continues to embark on the potential of establishing the MSW biogas or biofuels plants in East Malaysia together with potential solid waste management company and technology provider to power a fleet of green transportations.

International Biomass Conference Malaysia (IBCM) 2017

IBCM is an international annual event that congregates key industry players, technology & solution providers, scientists and leading biomass stakeholders to share insights, explore business opportunities and partnership models to move the agenda of the biomass industry forward. This annual event has become a platform to connect the perspectives of regional and global biomass communities, discussing the key market issues, exchanging information, and learning the latest market trends.

For IBCM 2017, a total of 1,226 participants attended the conference with a significant industrial participation (54%) at all levels. Key Participants were Novozymes, PETRONAS, PERTAMINA, Dahlman, ECN, Leaf Resources, Claeris, Poiry, Scania, Frost & Sullivan, Argus Media, Paques, Blackwood, RVO, SystemIQ, GS-Caltex, SK Chemicals, Shin Nippon, and C-Level Executives.

INTERNATIONAL BIOMASS CONFERENCE MALAYSIA 2017 PERSIDANGAN BIOMAS ANTARABANGSA MALAYSIA 2017

1226 Participants
Peserta

33 Speakers / Panellists
Penceramah / Ahli Panel

3 Special Market Reports
Laporan Pasaran Khas


2 Country Focus Symposiums
Simposium Berfokuskan Negara

50 Countries
Negara

28 Exhibitors
Pempamer

31 MNCs
MNC

280 SMEs
SME



NATIONAL GRAPHENE ACTION PLAN 2020

PELAN TINDAKAN GRAPHENE KEBANGSAAN 2020 (NGAP2020)

NGAP2020 telah dibangunkan oleh AIM dengan NanoMalaysia Berhad yang dilantik sebagai agensi utama. Laporan suku tahunan mengenai perkembangan baru di bawah NGAP2020 dikemukakan kepada jawatankuasa pemandu yang terdiri daripada anggota Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI); PEMANDU Associates; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI); AIM dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Sejak dilancarkan pada bulan Julai 2014, NGAP2020 telah berjaya mengaktifkan 50 syarikat dalam lima bidang aplikasi utama di bawah program ini, yang terdiri daripada kapasitor bervoltan tinggi, bateri li-ion, dakwat konduktif, getah, plastik dan bendalir nano. Model NGAP2020 dibangunkan untuk memudahkan keperluan setiap projek dari fasa pembangunan produk iaitu bukti konsep dan prototaip kepada fasa peningkatan skala (pengeluaran pertama). Berikut adalah dua contoh projek di fasa peningkatan skala;


NATIONAL GRAPHENE ACTION PLAN 2020 (NGAP2020)

NGAP2020 was developed by AIM with NanoMalaysia Berhad appointed as the lead agency. As a measure of its progress, quarterly reports on new developments under the NGAP2020 is submitted to a steering committee comprising members from the Ministry of International Trade and Industry (MITI); PEMANDU Associates; Ministry of Science, Technology and Innovation (MOSTI); AIM and the Economic Planning Unit (EPU).

Since its launch in July 2014, NGAP2020 has successfully activated 50 companies in five key application areas under the programme, comprising li-ion battery ultracapacitor, conductive inks, rubber, plastics and nanofluids. The NGAP2020 model is developed to facilitate the requirements of each project from product development phase ie; proof of concept and prototype to scale up phase (pilot production). Two examples of project scale up are listed below;

Pembahagian Projek berdasarkan 5 Bidang Aplikasi
Project Distributions for the 5 Application Areas

Bendaril Nano Nanofluids	
Dakwat konduktif Conductive Ink	
Getah Rubber	
Plastik Plastics	
Bateri Li-on berkapasiti ultra Li-on battery ultracapacitor	



PENINGKATAN SKALA

1. Scomi Rail Sdn. Bhd.

Di bawah NGAP2020, Scomi telah berjaya membangunkan kapasitor bervoltan tinggi berdasarkan graphene untuk aplikasi pengangkutan rel pada tahun 2016. Hasil output konsep ini adalah menggalakkan dan Scomi memutuskan untuk meneruskan fasa peningkatan skala kapasitor bervoltan tinggi berdasarkan graphene. Hala tuju Monorel Hijau yang dibangunkan oleh Scomi menekankan pada mengoptimumkan storan tenaga dalam pengangkutan rel. Dengan sistem aplikasi yang dinamakan TESS ini kabel bekalan voltan tinggi tidak diperlukan lagi. Ini membantu mengurangkan kehilangan pengedaran kuasa dan memanfaatkan tenaga boleh diperbaharui yang menjadikannya penyelesaian utama bagi negara-negara yang kerap mengalami gangguan bekalan kuasa.

2. IDC Global Sdn. Bhd.

Ditubuhkan pada tahun 2009, perniagaan teras IDC Global Holdings bermula dengan pembinaan menara telekomunikasi dan seterusnya pembinaan bangunan kediaman dan bukan kediaman di seluruh rantau Asia Pasifik. Syarikat ini telah berjaya menghasilkan konkrit yang diperkuatkkan oleh graphene yang memberikan peningkatan yang ketara dari segi kekuatan mampatan, kekuatan pengerasan dan kebolehtelapan. Fasa peningkatan skala telah menghasilkan pengeluaran pertama produk yang telah dibangunkan.



PROGRAM PEMBANGUNAN SYARIKAT PERINGKAT PERTENGAHAN (MTCDP)

Program ini telah dimulakan dan dibentuk untuk membuka potensi eksport melalui penyediaan sokongan khusus yang membantu syarikat meningkatkan pendapatan eksport dan meningkatkan keupayaan eksport. Program ini dibangunkan oleh AIM, bersama dengan Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) sebagai agensi utama yang menerajui inisiatif ini.

SCALE UP:

1. Scomi Rail Sdn. Bhd.

Under the facilitation of NGAP2020, Scomi has successfully developed graphene-based supercapacitor packaging for rail transportation application in 2016. The proof of concept output is encouraging and Scomi decided to pursue on the scale up facilitation of graphene-based supercapacitor packaging. The Green Monorail roadmap developed by Scomi emphasised on optimisation of energy storage in rail transportation. Implementation of TESS system eliminates the need to establish a power line, reduces power distribution loss and harness renewable energy which makes it an ultimate solution for countries with frequent interruption of power supply.

2. IDC Global Sdn. Bhd.

Incorporated in 2009, IDC Global Holdings core business started with telco tower construction and diversified into residential and non-residential construction throughout the Asia Pacific region. The company has successfully completed product development of graphene-enhanced concrete under NGAP2020 facilitation and observed significant improvement on concrete's compressive strength, hardening and water permeability resistance. The scale up facilitation delivers pilot output of developed product.

THE MID-TIER COMPANIES DEVELOPMENT PROGRAMME (MTCDP)

This programme was initiated and designed to unlock export potential through provision of customised support that assist companies to increase export revenue and enhance export capabilities. The programme was developed by AIM, together with Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE) as the lead agency spearheading this initiative.



Terdapat kemajuan yang ketara oleh 173 syarikat Peringkat Pertengahan yang lulus program MTCDP Gelombang 1, Gelombang 2, Gelombang 3 dan Gelombang 4. Kesemua 173 MTC telah diserap ke program Ramp-Up MTCDP, yang menggunakan strategi selama dua tahun untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan mengukuhkan hubungan dengan pasaran antarabangsa untuk syarikat-syarikat ini, sambil meningkatkannya untuk menjadi MNC Malaysia pada masa hadapan. Satu "Kelab Ketua Pegawai Eksekutif MTC" - platform untuk rangkaian dan perkongsian pandangan tentang perniagaan - telah diwujudkan oleh syarikat-syarikat yang telah lulus program MTCDP sebagai langkah untuk menggalakkan kerjasama seterusnya.

Pada 2017, terdapat beberapa siri persidangan perniagaan telah dianjurkan oleh MATRADE dan Kelab CEO MTC seperti pelancaran Konsortium Syarikat Peringkat Pertengahan Malaysia pada 1 November 2017 di MATRADE Kuala Lumpur, Sesi Perkongsian Ilmu bersama Ketua Pegawai Eksekutif MTC; serta bengkel Pelaburan dan Kewangan: Sesi bersama Pakar Kewangan & Perniagaan.

Hutan, Ekonomi Baru (FNE)

Pada tahun 2017, AIM telah ditugaskan untuk meneliti sektor ini sebagai sektor strategik yang berpotensi untuk negara. Namun begitu, tidak kesemua potensi ini akan dapat direalisasikan dengan cepat, kerana kebanyakan kawasan tanah telah pun dibangunkan. Walaubagaimanapun, masih terdapat peluang yang besar untuk meningkatkan perlindungan biomas melalui model perhutanan dan agro perhutanan. Di bawah inisiatif Hutan, Ekonomi Baru, usaha dijalankan untuk mewujudkan strategi nasional untuk Malaysia bagi mewujudkan transformasi ekonomi berdasarkan biomas mampan yang memberi tumpuan kepada pembangunan semula tanah yang telah rosak dan menerapkan penghutanan semula dalam model perniagaan jangka panjang yang menguntungkan.

Terdapat satu siri perubahan kepada dasar-dasar yang perlu dilaksanakan oleh kerajaan untuk menyokong peralihan ini selain daripada peningkatan penerimaan daripada kementerian-kementerian yang berkaitan untuk bergerak lebih jauh ke arah perlindungan penuh bagi hutan dara dan hutan tanam semula sambil meningkatkan tumpuan penanaman semula tanah yang telah rosak dan dilapangkan. Memulihkan tanah yang telah rosak dan menjadikannya produktif merupakan bahagian penting dalam strategi keseluruhan ini dan berpotensi untuk meningkatkan hasil dengan ketara dan juga memberi sumbangan utama kepada matlamat negara untuk menjadi bio-ekonomi utama, yang mampu menarik modal, bakat dan teknologi terbaik untuk strategi pertumbuhan hijau.

There has been significant progress by 173 Mid-Tier Companies (MTCs) that graduated from MTCDP under its Wave 1, Wave 2, Wave 3, and Wave 4. The 173 MTCs were absorbed into MTCDP's Ramp-Up programme, which employs a two-year strategy to maintain growth momentum and strengthen links with international markets for these MTCs, while growing them as future Malaysian MNCs. An "MTC CEO Club" - a platform for networking and sharing of business insights – was created by MTCs that have graduated from MTCDP as a move to encourage further collaborations.

In 2017, there were a series of business conferences organised by MATRADE and MTC CEO Club such as the launch of the Malaysian Consortium of Mid-Tier Companies (MCMTC) on 1st November 2017 at MATRADE Kuala Lumpur, MTC CEOs Sharing of Experience session, and; Investor and Financial Event: Sessions with Financial & Business Experts.

Forest, The New Economy (FNE)

In 2017, AIM was tasked with looking into this sector as a potential strategic sector for the nation. Not all of this potential will be immediately materialised, with swathes of land already under economic or productive use, however, there is a huge opportunity to increase biomass cover through sustainable forestry and agroforestry models. Under the newly launched 'Forest, the New Economy' ("FNE") initiative, we are working towards creating the national strategy for Malaysia to create a sustainable biomass based economic transformation focusing on regeneration of degraded land and embedding such reforestation in viable, long-term profitable business models.

There are a series of changes to policies which the government need to put in place to support this shift and there is increasing receptiveness in relevant Ministries to move further towards full protection of standing (pristine and secondary) forests while increasing focus on reforestation of degraded/deforested land. Restoring degraded land and making it productive is an integral part of this overall strategy and has the potential to boost output significantly while also making a major contribution to the country's ambitious goal of becoming a leading bio-economy, able to attract the best capital, talent and technology to its green growth strategy.



Matlamat usaha-usaha FNE ini adalah untuk a) menjana sumbangan Pendapatan Negara Kasar yang signifikan; b) menjana sejumlah besar pekerjaan berkualiti, berkemahiran tinggi dan rendah; c) menjana sumbangan yang berkekalan dan mampan kepada usaha mengekang pemanasan iklim global melalui penyerapan karbon berdasarkan biomas; dan d) berfungsi sebagai pelan tindakan untuk negara-negara lain dalam keseluruhan kawasan tropika global. Bekerjasama dengan pihak berkepentingan di peringkat tempatan, persekutuan dan perniagaan di peringkat negeri untuk membangunkan pelan tindakan, projek yang konkret dan peluang pelaburan tertentu, FNE akan meletakkan Malaysia sebagai pemain utama dalam ekonomi hijau dan peneraju pemikiran / tindakan untuk seluruh dunia melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan di peringkat tempatan, persekutuan dan perniagaan di peringkat negeri untuk membangunkan pelan tindakan, projek yang konkret dan peluang pelaburan tertentu.

PERANCANGAN MASA HADAPAN

NBS2020

Rantau Asia Pasifik menyumbang lebih separuh daripada produk global hari ini. Di rantau ASEAN, Malaysia bergerak secara progresif ke arah bahan-bahan berdasarkan bio dan kimia. Hari ini, negara telah berkembang menjadi salah satu destinasi paling menarik bagi pelaburan berdasarkan biomas di rantau ini dengan banyak lawatan di peringkat teknikal / strategik oleh pelabur dan rakan teknologi antarabangsa yang bereputasi untuk meneroka peluang pelaburan dalam pelbagai portfolio biomas seperti penjanaan kuasa yang boleh diperbaharui, pelet biomas, bahan api bio canggih dan biokimia.

Prospek bagi NBS2020 kekal positif. Pemain industri baru tempatan dan antarabangsa didorong menyertai industri ini kerana mereka menyedari Malaysia berpotensi sebagai lokasi pelaburan biomas dan berpotensi menjadi pintu masuk ke Asia Tenggara.

Syarikat-syarikat Malaysia mesti terus mengambil bahagian dalam penjanaan nilai biomas sebenar dan keluar daripada pemikiran perniagaan yang berdasarkan komoditi, iaitu lebih daripada sekadar membekalkan bahan mentah biomas. Kerajaan akan terus mewujudkan dan memudahkan ekosistem yang kondusif bagi industri-industri baru ini untuk memajukan dan memberikan manfaat tertinggi bagi negara.

Industri biomas di Sabah menawarkan beberapa peluang pembangunan dari semasa ke semasa untuk menjadi hab pengilangan hasil bio global, yang dapat membantu Sabah meraih pendapatan tambahan tahunan sebanyak RM3.2 bilion, mewujudkan lebih daripada 25,000 pekerjaan baru di sektor hijau dan peluang pelaburan RM13.5 bilion (Sumber dari Laporan Poyry 2015).

The FNE effort aims to ultimately a) generate significant Gross National Income contributions; b) generate a significant number of quality jobs both high and low skilled; c) generate lasting and sustainable contributions to global climate mitigation through biomass based carbon sequestration; and d) serve as a blueprint for other countries in the pan-tropical belt on a global basis. Working with the right level of local, federal and business stakeholders at state level to develop actionable roadmaps, concrete projects and specific investment opportunities, FNE will position Malaysia as a leading player in green economy and a thought/action leader for the rest of the world.

MOVING FORWARD

NBS2020

The Asia Pacific region accounts for more than half of the global product today. Within the ASEAN region, Malaysia is moving progressively towards bio-based materials and chemicals. Today, the country has developed into one of the most exciting destinations for biomass-based investments in the region with numerous technical/strategic-level visits by reputable international investors and technology partners to explore investment opportunities in diverse biomass portfolio such as renewable power generation, biomass pellets, advanced biofuels and biochemical.

The outlook remains positive. New players from both local and international destinations are actively driven into the industry as they are aware of Malaysia's potential as a biomass based investment location and possible gateway to South East Asia (SEA).

Malaysian companies must continue to participate in the real biomass value creation and move out of a commodity based business mind-set, i.e. beyond merely supplying biomass feedstock. The government will continue to create and facilitate an ecosystem conducive for these new industries to flourish and deliver highest benefits for the nation.

The Sabah biomass industry offers several development opportunities over time into becoming a global bio-refinery hub, which could help Sabah capture an additional of RM3.2 billion annual revenues, more than 25,000 new green jobs and RM13.5 billion investment opportunities (Source from Poyry Report 2015)

Dua model penggerak biomas yang berdasarkan sawit diperkenalkan untuk mempromosi dan memudahkan aktiviti perindustrian Sabah dan pengeksportan produk biomas, terutamanya yang berkaitan dengan kelapa sawit, selaras dengan Pelan Pembangunan Perindustrian Biomass Sabah (SBIDP) untuk memulakan dan menyemarakkan industri hiliran biomas berskala makro.

Model pertama yang diperkenalkan adalah konsep Joint Venture Biomass (JVC), yang dibangunkan bersama oleh AIM dan Kluster Perindustrian Minyak Sawit (POIC) Sabah. Ianya merupakan model contoh yang memberi manfaat kepada pemilik biomas domestik dengan menggabungkan sumber mereka untuk memastikan bekalan biomas terjamin. Perkongsian diwujudkan di antara syarikat-syarikat huluan dan hiliran di mana pemilik biomas memegang pemilikan langsung dalam syarikat berdasarkan jumlah biomas yang diperuntukkan. Model penggerak ini akan mengalami penyesuaian yang berterusan untuk memenuhi keperluan geografi tempatan dan persekitaran perniagaan yang dinamik.

Model kedua ialah Satellite Biomass Collection Center (SBCC). Konsep platform ini tertumpu kepada pembangunan pelbagai tapak perindustrian satelit yang terletak di tengah-tengah gugusan besar kilang minyak kelapa sawit di pantai timur Sabah, yang secara kolektif dikenali sebagai POIC Satellite Biomass Collection Centers. POIC Trading Sdn Bhd (anak syarikat POIC Sabah) akan menjadi pelaksana platform SBCC yang boleh diperluaskan ke beberapa kawasan lain di masa hadapan.

Sementara itu, Sarawak mempunyai peluang yang unik untuk menjadi peneraju dalam industri biomas bernilai tinggi di masa hadapan, dan juga sebagai Kluster Biomass Bersepadu yang pertama di Asia yang dapat membantu Sarawak meraih pendapatan tahunan sebanyak RM4.8 bilion serta mewujudkan lebih daripada 35,000 pekerjaan baru di sektor hijau di samping peluang pelaburan RM18 bilion (Sumber dari Laporan Poyry 2015).

Adalah suatu yang menggalakkan bila melihat banyak syarikat tempatan dan pemilik biomas tanpa mengira saiznya secara aktif mencari perkongsian perniagaan dan peluang pelaburan untuk meningkatkan rantaian nilai hiliran biomas. Industri biomas di Malaysia telah menerima pelaburan berjumlah RM1 bilion dari 2013 hingga pertengahan 2015 dan dijangka berkembang kepada RM25 bilion menjelang 2020. Projek-projek yang diluluskan termasuk papan serat berkepadatan sederhana (MDF), papan serat OSB (standing papan lapis), kayu komposit, palet, briket dan geotekstil daripada sisa kayu, sekam padi dan sisa pertanian lain (Sumber dari MIDA, Disember 2015).

In line with Sabah Biomass Industrial Development Plan (SBIDP) to initiate and invigorate biomass based downstream industries in Sabah on a macro scale; two palm-based biomass mobilisation model was introduced to promote and facilitate Sabah's industrial activities and exports of biomass products, especially those relating to oil palm.

The first model introduced was the Biomass Joint Venture Cluster (JVC) concept, co-developed by AIM and Palm Oil Industrial Cluster (POIC) of Sabah, is an exemplary model that benefits domestic biomass owners by combining their resources to ensure secured biomass supply. Partnership was created between upstream and downstream companies where biomass owners hold direct ownership in a company based on the amount of biomass committed to the venture. These mobilisation models will undergo constant iteration to suit the local geographic requirements and the dynamic changing business environment.

The second model is the Satellite Biomass Collection Centre (SBCC). This platform concept centres on development of multiple satellite industrial sites strategically located within the midst of large clusters of palm oil mills on the east coast of Sabah; collectively known as POIC Satellite Biomass Collection Centres (SBCC). POIC Trading Sdn Bhd (a subsidiary of POIC Sabah) will be the implementer of the SBCC platform and this could grow to multiple sites moving forward.

Meanwhile, Sarawak has a unique opportunity to become a leader in high-value biomass industries over time, and Asia's first Integrated Biomass Cluster, which could help Sarawak capture RM4.8 billion additional annual revenue, more than 35,000 new green jobs and RM18 billion investment opportunities (Source from Poyry Report 2015).

It is encouraging to see many local companies and biomass owners regardless of size actively pursue business partnerships and investment opportunities to move up the biomass downstream value chain. The biomass industry in Malaysia has received investment totalling RM1 billion from 2013 to mid-2015 and it is expected to grow to RM25 billion by 2020. The projects approved include MDF, OSB, composite wood, pellet, briquette and geotextile from wood waste/residue, rice husk and other agricultural waste (Source from MIDA, December 2015).

Pergerakan pengangkutan bahan mentah masih merupakan faktor kejayaan penting bagi setiap projek biomas dari segi logistik dan kos, untuk memastikan daya saing di landskap global. Oleh itu, adalah penting untuk mendapatkan kilang yang lebih kecil dan pengusaha kecil untuk memainkan peranan dalam mewujudkan struktur yang inovatif bagi menggalakkan perkongsian dalam rantaian nilai.

AIM akan terus mengkaji semula Strategi Biomas Nasional 2020, mengemaskini dan memasukkan unsur-unsur baru apabila perkembangan baru berlaku untuk mendorong Malaysia menjadi negara berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Pelan Tindakan Graphene Kebangsaan (NGAP 2020)

Malaysia dijangka dapat memanfaatkan dari Ekonomi Graphene melalui keupayaan menghasilkan produk berkualiti tinggi dan teknologi tinggi menggunakan bahan mentah dari sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Malaysia seperti sektor getah, minyak sawit dan minyak & gas. Ini akan membantu menambah nilai sumber-sumber utama ini dengan menawarkannya dalam pelbagai penawaran produk baru, di dalam dan luar negara. Jawatankuasa Pemandu NGAP 2020 akan terus memantau dan memastikan kesemua 50 syarikat yang diaktifkan di bawah pelan ini terus maju.

MTCDP

Program ini kini di bawah bidang kuasa MATRADE sepenuhnya, 3 daripada 8 Gelombang MTCDP akan dilancarkan pada 2021, dengan sasaran penyertaan sebanyak 540 MTC.

Ekonomi Baru Hutan (FNE)

Konsep Ekonomi Baru Hutan (FNE) telah dibentangkan kepada Majlis Ekonomi pada Disember 2017. Semua pihak berkepentingan telah mengemukakan cadangan mengenai FNE kepada Unit Perancang Ekonomi (EPU) untuk kelulusan bajet. AIM telah ditugaskan untuk menyediakan kemudahan selanjutnya dan penglibatan berterusan dengan pihak berkepentingan utama seperti Pusat Penyelidikan & Pemuliharaan Hutan Tropika (TRCRC), SYSTEMIQ UK, dan PEMANDU Associates ke arah mewujudkan strategi transformasi ekonomi negara yang berdasarkan biomas yang memfokuskan kepada pembangunan semula tanah yang sudah rosak dan menerapkan penanaman semula hutan ke dalam model perniagaan jangka panjang yang menguntungkan.

Feedstock mobilisation remains to be the critical success factor for any biomass projects both logistics and cost, to ensure competitiveness at global landscape. Hence, it is vital to get smaller mills and small holders to participate in creating innovative structures to encourage partnership within the value chain.

AIM will continue to review the National Biomass Strategy 2020, update it and include new elements as new developments take place propelling Malaysia into a high income nation by 2020.

National Graphene Action Plan (NGAP 2020)

Malaysia is set to reap the benefits of Graphene Economy through having the capability to produce high quality and high technology products using feedstock from main sectors contributing to Malaysia's economy such as rubber, palm oil and oil & gas sectors. This will help further de-commoditise these key resources by offering them in an array of new product offerings, locally and globally. The NGAP 2020 Steering Committee will continue to monitor and ensure that all 50 companies activated under this plan continues its progress.

MTCDP

Now fully under the purview of MATRADE, the remaining 3 of the 8 Waves of MTCDP will be rolled out by 2021, aiming for a total participation target of 540 MTC.

Forest New Economy (FNE)

The Forest New Economy (FNE) concept was presented to the Economic Council on December 2017. The stakeholders have submitted the proposal on FNE to the Economic Planning Unit (EPU) for budget approval. AIM has been tasked to provide further facilitation and continuous engagement with major stakeholders such as Tropical Rainforest Conservation & Research Centre (TRCRC), SYSTEMIQ UK, and PEMANDU Associates towards creating the national strategy for Malaysia to create a sustainable biomass based economic transformation focusing on regeneration of degraded land and embedding such reforestation in viable, long-term profitable business models.



Pelan Tindakan Pengekalan Industri Kelapa Malaysia

Pada tahun 2017, AIM telah mengambil inisiatif untuk mengkaji sektor kelapa dengan membangunkan pelan tindakan yang boleh memulihkan industri kelapa di Malaysia.

Malaysia kini mengimport 100 juta biji kelapa setahun untuk memenuhi permintaan tempatan yang berjumlah 700 juta biji kelapa, dan tidak banyak aktiviti hiliran yang lain boleh menyumbang kepada pendapatan isi rumah yang lebih tinggi bagi pekebun kecil. Inovasi terhadap spesis hibrid yang baru dan lebih menguntungkan telah dibangunkan oleh industri tempatan dan institusi penyelidikan yang akan membantu meningkatkan bekalan dan permintaan kelapa di Malaysia.

AIM akan terus bekerjasama dengan Kementerian, Agensi dan Industri yang berkaitan sepanjang pelaksanaannya. Pelan tindakan strategik dan inovatif AIM akan mengenalpasti potensi tanaman di tanah yang sedia ada termasuk penyertaan pekebun kecil, mengesahkan trend pasaran dan mengenal pasti pilihan rantaian nilai terbaik untuk Malaysia, dan memastikan ekosistem yang kondusif di sepanjang rantaian nilai daripada sokongan pekebun kecil ke atas pilihan hiliran hingga ke akses pasaran.

Malaysia's Coconut Industry Revitalisation Action Plan

In 2017, AIM took the initiative to look into the coconut sector and develop an action plan that could revive the coconut industry in Malaysia.

Malaysia is currently importing 100 million nuts a year to meet the current local demand of 700 million nuts and there is not much downstream activities which can contribute to higher household income for the smallholders. Innovation on the new and more profitable dwarf and hybrids species have been developed by local industry and research institution which will help boost the supply and demand of coconut in Malaysia.

AIM will continue to work with relevant Ministries, Agencies, and Industries throughout the implementation. AIM's strategic and innovative action plan will identify potential plantations on current land including smallholder participation, confirm market trends and identify best value chain options for Malaysia, and ensure that a conducive ecosystem is in place along the value chain from smallholder support over downstream options to market access.





MENGINOVASI ORGANISASI

INNOVATING ORGANISATIONS





National Corporate Innovation Index™



INDEKS INOVASI KORPORAT KEBANGSAAN (NCII)

Berikutan kejayaan pada 2016, di mana sejumlah 450 syarikat telah mengambil bahagian dalam bengkel NCII, AIM terus menganjurkan sesi NCII untuk syarikat-syarikat pada 2017. Sebagai inisiatif perbelanjaan berhemah kerajaan, AIM membentuk kerjasama dengan konglomerat, agensi persekutuan dan negeri untuk berkongsi kos penganjuran bengkel yang membolehkan AIM menterjemahkan hasilnya.


Melalui kerjasama ini, AIM telah menganjurkan 26 bengkel di 12 negeri di seluruh negara sepanjang tahun 2017. Antara yang turut bekerjasama ialah Majlis Amanah Rakyat (MARA), Brahim Airline Catering, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB), Dewan Perniagaan dan Perindustrian Antarabangsa Malaysia (MICCI), Kluster Industri Minyak Sawit (POIC) Sabah, Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM), Ecoworld Development Group Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Iskandar (IRDA), Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), IJM Corporation Berhad (IJM), Persekutuan Pengilang Malaysia (FMM), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) dan Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF).

NATIONAL CORPORATE INNOVATION INDEX (NCII)

Following the success in 2016, where a total of 450 companies participated in NCII workshops, AIM continued to organise NCII sessions for corporations in 2017. As part of the government's prudent spending initiative, AIM formed partnerships and collaborations with conglomerates, federal and state agencies to share the cost for the workshops which made it possible for AIM to deliver the results.

Together with its partners, AIM organised 26 workshops in 12 states nationwide throughout 2017. Among the partners were Majlis Amanah Rakyat (MARA), Brahim Airline Catering, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka (PKNM), Malaysia Resources Corporation Berhad (MRCB), Malaysia International Chamber of Commerce & Industry (MICCI), Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Sabah, Institut Pengurusan dan Integriti Melaka (INSPIM), Ecoworld Development Group Berhad, Iskandar Regional Development Authority (IRDA), Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC), IJM Corporation Berhad (IJM), Federation of Malaysian Manufacturers (FMM), Institut Keusahawanan Negara (INSKEN) and Human Resource Development Fund (HRDF).





Bengkel NCII telah mewujudkan kesedaran dalam kalangan pemilik syarikat mengenai pengurusan inovasi dan membolehkan mereka menilai tahap inovasi dan mewujudkan profil inovasi masing-masing. Ia juga membolehkan syarikat-syarikat mengenal pasti bidang inovasi yang boleh difokuskan, dan merumuskan mekanisme bagi penglibatan dalam aktiviti inovasi yang akan memastikan kelestarian jangka panjang syarikat.

Pada akhir tahun 2017, sambutan terhadap bengkel NCII adalah menggalakkan dan telah mendapat maklum balas positif daripada lebih 630 peserta yang mewakili 408 syarikat. Lebih daripada 97% peserta memberi maklum balas positif kepada toolkit NCII dengan peningkatan tahap komitmen mereka berada pada tahap 56%.

Lapan unsur petunjuk NCII menunjukkan bahawa syarikat-syarikat Malaysia sedang berusaha untuk melaksanakan amalan baik dalam tadbir urus dan pengurusan inovasi.

The NCII workshops had created awareness amongst companies on innovation management and made possible for companies to evaluate their level of innovativeness and establish their innovation profile. It also enables companies to identify areas of innovation that they could focus on, and formulate mechanisms for them to engage in innovation activities that will ensure companies' long-term sustainability.


At the end of 2017, the response towards the NCII workshops was encouraging and has garnered positive feedback from more than 630 participants who represented 408 companies. More than 97% of the participants responded positively to the NCII toolkit and the improvement on the level of commitment was a commendable 56%.

The 8 NCII indicator elements showed that Malaysian companies are inching towards adopting good practice in innovation governance and management.



PULANGAN PELABURAN INOVASI (ROII)

Pada tahun 2017, AIM juga memulakan pelan pelaksanaan dan pembangunan untuk NCII Fasa 2 yang mempunyai rangka kerja bagi mengenal pasti dan menganggar pulangan daripada pelaburan yang dibuat oleh syarikat dalam projek dan aktiviti inovasi. Rangka kerja ini dipanggil Pulangan Pelaburan Inovasi (ROII) dan dibangunkan dengan kerjasama ACCA UK, NESTA, dan INGOT. Rangka kerja ini terdiri daripada enam bidang pelaburan dalam inovasi:



Pelan pelaksanaan termasuk membangunkan perisian ROII dalam talian untuk membantu syarikat mengukur pulangan daripada pelaburan inovasi mereka dan bagi merealisasikan manfaat tidak ketara daripada pelaburan tersebut.

Tumpuan diberikan kepada usaha membangunkan keperluan latihan holistik iaitu pelan latihan, bahan latihan dan bengkel, untuk menerangkan kepada syarikat tentang latar belakang dan metodologi ROII, dan membolehkan mereka menggunakan perisian ROII. Matlamatnya adalah untuk melancarkan perisian ROII dalam talian kepada 100 syarikat Malaysia pada 2018 melalui satu siri bengkel.

RETURN ON INNOVATION INVESTMENT (ROII)

In 2017, AIM also initiated the implementation plan and development for NCII Phase 2 in which the framework revolves around identifying and estimation of returns from investment made by corporations on innovation projects and activities. The framework is called the Return on Innovation Investment (ROII) and was developed in partnership with ACCA UK, NESTA, and INGOT. The framework consists of six areas of investment in innovation:

The implementation plan includes developing an Online Software for ROII to help companies measure the returns from their innovation investment and to unearth intangible benefits from those investments.

The focus was on developing a holistic training requirement (training plan, materials and workshops) to engage companies on ROII background and methodology, and to enable them to use the ROII software. The goal is to roll out ROII online software to 100 Malaysian companies in 2018 through a series of workshops.

INTELLECTUAL CAPITAL FUTURE CHECK (ICFC)

Pada awal suku keempat 2017, AIM melaksanakan fasa pertama projek ICFC untuk PKS Malaysia. Inisiatif ini merupakan kerjasama antara Bank Negara Malaysia (BNM), Malaysia Debt Ventures (MDV), Steinbeis Malaysia, Fraunhofer Institute Germany dan AIM.

ICFC adalah portfolio penilaian profil modal intelektual syarikat berdasarkan penilaian pelbagai aspek dan ciri-ciri syarikat yang tidak ketara dan kualitatif. Penilaian akan menggariskan potensi syarikat berdasarkan unsur-unsur berikut:

INTELLECTUAL CAPITAL FUTURE CHECK (ICFC)

At the beginning of the fourth quarter 2017, AIM executed the first phase of the Intellectual Capital Future Check (ICFC) project for Malaysian SMEs. This initiative is a collaborative effort between Bank Negara Malaysia (BNM), Malaysia Debt Ventures (MDV), Steinbeis Malaysia, Fraunhofer Institute Germany and AIM.

The ICFC is an evaluation portfolio of a company's intellectual capital profile based on assessment of various intangible and qualitative aspects and characteristics of a company. The assessment will outline the potential of companies based on the following elements:



Human Capital (HC)

Modal Insan



Relational Capital (RC)

Modal Perhubungan



Structural Capital (SC)

Modal Struktur

Ia juga akan melengkapkan proses penilaian kredit sedia ada yang kini digunakan oleh semua institusi kewangan.

Pada bulan Oktober, empat PKS Malaysia dipilih dengan kerjasama MDV untuk menerajui penilaian ICFC yang diketuai oleh seorang pakar dari Institut Fraunhofer, Jerman. Proses penilaian telah dibantu oleh empat pegawai AIM yang juga telah disahkan sebagai penilai ICFC.

Inisiatif strategik ini akan membolehkan perubahan struktur mengenai bagaimana untuk menilai syarikat-syarikat terutamanya PKS untuk menentukan potensi perniagaan mereka dan membantu mereka dalam memperkuatkukuhkan 3 elemen ICFC yang menjadi tonggak kekuatan syarikat yang mampan.

It will also complement existing credit assessment process currently employed by Financial Institutions.

In October, four Malaysian SMEs were selected in collaboration with MDV to pilot the ICFC assessment led by an expert from Fraunhofer Institute, Germany. The assessment process was assisted by four AIM officers which after the completion of the whole exercise will also be certified as ICFC assessors.

This strategic initiative will enable structural change on how we assess companies especially SMEs to determine their business potential and assist them in strengthening the 3 ICFC elements which are the pillar of strength of any sustainable companies.

PERANCANGAN MASA DEPAN

Pada tahun 2018, AIM akan membantu lebih banyak syarikat Malaysia dengan kerjasama Dana Pembangunan Sumber Manusia (HRDF). Perkongsian ini akan membolehkan pelaksanaan NCII yang meluas melalui penyertaan lebih daripada 200,000 syarikat yang menyumbang kepada HRDF.

MOVING FORWARD

In 2018, AIM is reaching out to more Malaysian corporations in collaboration with the Human Resource Development Fund (HRDF). This partnership will enable the wide spread implementation of NCII through the participation of more than 200,000 HRDF contributing companies.





**MENJADI
PEMANGKIN
PENGKOMERSILAN**

CATALYSE
COMMERCIALISATION





PlaTCOM VENTURES SDN BHD

Program Berimpak Tinggi 2 (HIP2)

Sehingga akhir 2017, PlaTCOM telah mendaftar 143 syarikat ke dalam HIP2. Kesemua permohonan telah melalui proses yang diperlukan bagi menentukan sama ada mereka layak untuk menerima dana awam dan telah pun dinilai oleh Jawatankuasa Pemandu HIP2 dalam 12 mesyuarat. Pada tahun 2017, kami telah berhubung dengan lebih 390 syarikat/usahawan dan menerima kira-kira 112 kertas cadangan projek, yang mana 31 telah diluluskan untuk program HIP2.

Seperti juga pra-syarat bagi permohonan yang terdahulu, syarikat pemohon haruslah mendapatkan pelaburan swasta terlebih dahulu, dan jumlah pelaburan tersebut kemudian akan dipadankan dengan pelaburan awam. Jumlah pelaburan yang telah dicatat oleh syarikat-syarikat PKS sejak permulaan program adalah RM59 juta, yang mana RM16 juta telah pun direkodkan pada tahun 2017.

UK-Malaysia Urban Innovation Challenge (UIC) 2017

UIC 2017 adalah satu pertandingan yang dibuka kepada syarikat-syarikat dari United Kingdom dan Malaysia. PKS dari kedua-dua negara perlu bekerjasama dalam menghasilkan kertas cadangan bagi mengatasi masalah pengurusan sisa, pengangkutan, dan pengurusan air. Pemohon yang berjaya dari Malaysia akan menerima dana daripada PlaTCOM melalui HIP2, manakala pemohon daripada UK akan menerima dana daripada Innovate UK melalui Dana Newton-Ungku Omar.

Jumlah dana yang telah diluluskan bagi 4 pemenang kerjasama UK-Malaysia adalah sebanyak GBP1,192,064 dan RM3,886,400. Para pemenang telah mencadangkan teknologi perbandaran yang inovatif dan mempunyai keberkesanan kos dalam pengurusan air, pengurusan sisa, dan pengangkutan di bandar.

PlaTCOM VENTURES SDN BHD

High Impact Programme 2

Up until the end of 2017, PlaTCOM had admitted 143 companies into HIP2. All applications underwent a thorough due diligence process to determine that they were the most qualified to receive public funds and were assessed by the HIP2 Steering Committee in 12 meetings. In 2017, we engaged with over 390 entrepreneurs/companies and received about 112 project proposals, out of which 31 were approved for the programme.

As with previous applications, the prerequisite for approval was the securing of private investment by the applicant company, the amount of which was then matched with the public funding. The total amount raised by the SMEs since the programme started has accumulated to RM59 million, of which RM16 million was raised in 2017.

UK-Malaysia Urban Innovation Challenge (UIC) 2017

The UIC 2017 is a competition that called for combined resources from the United Kingdom and Malaysia. SMEs from both countries formed partnerships in submitting proposals to tackle problems in waste management, transport/mobility or water management. The winning Malaysian applicants were then funded by PlaTCOM through HIP2, while their UK partners were funded by Innovate UK through the Newton-Ungku Omar Fund.

The total funds approved for the 4 winning UK-Malaysia collaborations were GBP1,192,064 and RM3, 886,400, respectively. The winning solutions had proposed innovative and cost-efficient urban technologies as solutions for the aforementioned problem areas; namely, urban water management, urban waste management and urban transport/mobility.

French-Malaysian Innovation Challenge (FMIC) 2017

Sama seperti UIC, FMIC dibuka kepada penyertaan kerjasama antara PKS di Malaysia dan Perancis. Walaubagaimanapun, cabaran tersebut tidak terhad kepada bidang khusus kerana ianya bertujuan untuk menarik dan mengumpul solusi inovatif serta mempromosikan kerjasama dua hala antara kedua-dua negara.

Bagi kolaborasi yang memenangi cabaran tersebut, geran yang bernilai RM513,000 di bawah HIP2 telah diberikan kepada penyertaan dari Malaysia dan dana daripada Bpifrance telah diberikan kepada penyertaan dari Perancis. Pemenang kerjasama ini telah mencadangkan suatu teknologi baru dan inovatif skrin sentuh untuk bilik kawalan yang mempunyai interface yang mudah dan intuitif.

Islamic Innovation Challenge (IIC) 2017

IIC 2017 adalah susulan daripada Halal Hi-Tech Challenge yang telah diluaskan kriteria kelayakannya. IIC 2017 adalah suatu cabaran peringkat tempatan yang dibuka kepada mana-mana solusi inovatif yang dikhushuskan kepada pasaran Halal dan Islam. Sebuah dana bernilai lebih RM5 juta telah diperuntukkan kepada peserta-peserta dan pemenang pemenang yang bakal diumumkan pada suku kedua 2018.

Pameran Kejayaan HIP2

Buat julung kalinya, Pameran Kejayaan HIP2 telah diadakan pada 20 Julai 2017. Pameran tersebut meraikan 21 PKS tempatan yang telah berjaya mengkomersilkan inovasi mereka di bawah program HIP2.

Acara dua kali setahun ini akan berterusan menjadi satu platform bagi mengetengahkan kejayaan program HIP2 serta meningkatkan kesedaran awam mengenai program ini.

Kejayaan Pengkomersilan

Sebanyak 19 projek telah berjaya dikomersilkan pada tahun 2017, dan menjadi sebahagian daripada 40 projek yang telah dikomersilkan sejak program ini dimulakan, dengan 21 daripadanya diketengahkan di Pameran Kejayaan HIP2 2017.

French-Malaysian Innovation Challenge (FMIC) 2017

Like the UIC, the FMIC called for a collaboration between French and Malaysian SMEs in submitting their entries. However, the Challenge was non-thematic as the idea was purely to attract innovative solutions and promote bi-lateral partnerships between the two countries.

For the winning collaboration, a grant of RM513,000 under HIP2 was given to the Malaysian counterpart and funding from Bpifrance was granted to the French collaborator. The winning partnership had proposed an innovative and exciting new touchscreen technology for control rooms which offers a simple and intuitive user interface.

Islamic Innovation Challenge (IIC) 2017

The IIC 2017 is a follow-up to last year's Halal Hi-Tech Challenge with expanded eligibility criteria. IIC 2017 is a local challenge that called for innovative solutions tailored for the Halal and Islamic markets. Up to RM5 million in funding was allocated to the participants and the winners are expected to be announced in Q2 2018.

HIP2 Success Showcase

The inaugural HIP2 Success Showcase was held on the 20th of July 2017. The showcase celebrated 21 local SMEs that had commercialised their innovations under HIP2.

The bi-annual showcase will continue to serve as a platform to highlight the successes of the programme and to raise more awareness on the national initiative.

Commercialisation Success

In 2017, 19 projects were successfully commercialised which totalled to 40 since the start of the programme and 21 of them were featured in the HIP2 Success Showcase 2017.



Berikut merupakan inovasi yang telah dikomersilkan dengan bantuan HIP2.

Kasut Bertumit Boleh Ubah oleh Mestrae Sdn. Bhd.

Kasut Bertumit Boleh Ubah Mestrae adalah kasut bertumit tinggi yang boleh diubah menjadi kasut tumit rata, yang boleh dipelbagaikan ketinggian, bentuk dan warnanya.

Pengoreng Fresco oleh TKS Winwell Equipment Supply Sdn Bhd

Produk ini berfungsi dengan minyak menggoreng yang akan terapung di atas satu lapisan air yang kemudian akan memerangkap sisa makanan untuk pengasingan mudah. Cara ini akan mengoptimakan kualiti produk bergoreng dan meningkatkan kualiti rasanya. Solusi ini juga lebih sihat berbanding cara menggoreng biasa yang menggunakan semula minyak yang mengandungi sisa makanan.

Beras Merah PRIMERA oleh Nomatech Sdn Bhd

Beras merah Primera mempunyai indeks glisemik (GI) yang rendah, yang boleh membantu mengurangkan peningkatan gula dalam darah selepas makan. Beras ini sesuai untuk semua, terutamanya penghidap kencing manis. Antosianin yang terdapat dalam beras merah Primera berfungsi sebagai sumber anti oksida, yang membekalkan pengambilan bijirin yang sihat.

Global Halal Data Pool oleh Serunai Commerce Sdn Bhd

Global Halal Data Pool (GHDP) adalah inisiatif global yang mengumpul dan menghubungkan pembekal, pengilang, penyedia perkhidmatan produk, pembeli, dan pemborong Halal yang diiktiraf dalam pasaran Halal global. Global Halal Data Pool berperanan untuk menggalakkan serta menggerakkan industri Halal kerana fungsinya yang menghubungkan pelbagai pasaran antarabangsa.

Insta BI oleh Datamicron Sdn Bhd

Insta BI adalah Platform Risikan Perniagaan bagi rakan ISV yang menggabungkan kedua-dua cara tradisional dan layan diri, serta menyediakan komponen data analitik yang lengkap dengan fungsi analitik visual dan infografik, disertai dengan skrin paparan untuk pengguna dan kaedah pendekatan "story board" yang merentasi akses kepada pelbagai peranti.

The following are some of the HIP2-supported commercialised innovations:

Interchangeable Heels by Mestrae Sdn. Bhd.

Mestrae interchangeable heels are high heels that can be converted into flats, or a different height, shape and colour of heels.

Fresco Fryer by TKS Winwell Equipment Supply Sdn. Bhd.

The product works by having the frying oil float on top of a layer of water which then traps food debris for easy extraction. This method optimises the quality of the fried product and improves the taste. This solution is also a healthier than conventional deep-frying oil method which re-uses oil that contains food debris.

PRIMERA Red Rice by Nomatech Sdn. Bhd.

Primera Red Rice has low glycaemic index (GI) value, which helps to reduce after-meal blood sugar spikes. This rice is suitable for all, especially diabetics. The anthocyanins in Primera Red Rice serve as a good source of antioxidants, providing a healthy wholegrain option.


Global Halal Data Pool by Serunai Commerce Sdn. Bhd.

Global Halal Data Pool (GHDP) is a global initiative that brings together and connect accredited Halal suppliers, manufacturers, product service providers, buyers and retailers onto the global market place. The Global Halal Data Pool is positioned to enhance and boost the Halal industry as it delivers access to multiple international markets.

Insta BI by Datamicron Sdn. Bhd.

Insta BI is a Business Intelligence Platform for ISV Partners that combines the best of both worlds (traditional and self-service), and provides a full stack of 'Data Analytics' components. Its powerful visual analytics and infographics, coupled with associative UI and 'Story Board' enrich user experience across multiple access devices.

PRESTASI HIP2 **HIP2 Performance**





PELUANG PERNIAGAAN INOVASI (IBO)

IBO PlaTCOM telah mencapai sejumlah 33 perjanjian perlesenan dan telah melebihi sasaran 18 perjanjian perlesenan pada tahun 2017. Perjanjian perlesenan ini kebanyakannya adalah daripada universiti-universiti dan syarikat-syarikat (48.5%) diikuti dengan individu (3%).


INNOVATION BUSINESS OPPORTUNITIES (IBO)

PlaTCOM's IBO achieved a total of 33 licensing deals and exceeded its target of 18 license deals for 2017. These licensing deals came mainly from universities (48.5%) and companies (48.5%) followed by individuals (3%).

Pecahan Perjanjian Perlesenan Pada Tahun 2017 Breakdown of Licensing Deals in 2017

Jumlah Perlesenan
Total Licenses

33 =



Angka Utama bagi Perjanjian Perlesenan pada tahun 2017 Key Figures on Licensing Deals in 2017

Jangkamasa Lesen
Duration of License
2 hingga 15 tahun
2 to 15 years

Kadar Royalti
Royalty Rate
2% hingga 12%
2% to 12%

Jumlah
Keseluruhan
Yuran Perlesenan:
Total Licensing Fees
RM5,000 - RM800,000



PROGRAM-PROGRAM LAIN DAN NILAI YANG DIHASILKAN

• Hak Harta Intelek dan Perkhidmatan Pengkomersilan

Pada tahun 2017, Divisyen Perkhidmatan IP telah membantu 32 PKS dalam merangka strategi dan melindungi hak harta intelek mereka, serta membantu 7 universiti bagi melindungi dan menguruskan portfolio harta intelek mereka. Bagi mempromosikan kepentingan penilaian IP, PlaTCOM telah memperkenalkan Program Kesedaran Penilaian IP Kebangsaan kepada lanskap tempatan. Antara projek-projek lain termasuklah TNB Hot House 2017 yang mana merupakan program penglibatan untuk memberi kemudahan R&D kepada industri bagi peluang perlesenan dan pameran inovasi daripada TNB Research QATS.

• Pembangunan Kapasiti

Pada tahun 2017, PlaTCOM telah menjalankan siri Pemindahan Teknologi dan Kursus Pengkomersilan, daripada tahap asas hingga mahir, bagi membangunkan kapasiti para profesional pengkomersilan. Kursus tersebut telah dihadiri oleh lebih 60 peserta daripada institusi pengajian tinggi dan institusi penyelidikan. Sebagai nilai tambah kepada modul latihan standard yang merangkumi proses pemindahan teknologi biasa, PlaTCOM turut menawarkan kursus latihan dalaman yang boleh disesuaikan dengan keperluan pelanggan.

• Program Kesedaran Penilaian IP Kebangsaan

Program ini telah dilancarkan pada April 2017 dan telah diperkenalkan bagi meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan penilaian IP. Bengkel Kesedaran Penilaian IP Kebangsaan dibawah program ini telah diadakan dua kali pada tahun 2017 dan dihadiri oleh lebih 30 profesional IP daripada pelbagai bidang perniagaan dan organisasi akademik.

OTHER PROGRAMMES AND VALUE DELIVERED

• Intellectual Property Rights and Commercialisation Services

In 2017, PlaTCOM IP Services Division assisted 32 SMEs in strategising and protecting their intellectual property rights, as well as assisting 7 universities to protect and manage their IP portfolios. To promote the importance of IP valuation, PlaTCOM had introduced the National IP Valuation Awareness Programme to the local landscape. Other notable projects included the TNB Hot House 2017 which was an innovation engagement programme to downstream R&D to industries for licensing opportunities and showcase of innovations from TNB Research QATS.

• Capacity Building

In 2017, PlaTCOM ran a series of Technology Transfer and Commercialisation Courses, from basic to advanced level, aimed at capability building of commercialisation professionals. The courses were attended by more than 60 participants from institutes of higher learning, private companies and research institutes. In addition to standard training modules covering the typical technology transfer process, PlaTCOM offered customised in-house training courses suited to customer requirements.

• National IP Valuation Awareness Programme

The programme was launched in April 2017 and was established to raise awareness on the importance of IP valuation. The National IP Valuation Awareness Workshop tied to the programme was organised twice in 2017 and attended by more than 30 IP professionals from various business and academic organisations.

• Akreditasi Program Profesional Pemindahan Teknologi

Dengan kerjasama British Council dan Newton-Ungku Omar Fund (NUOF), PlaTCOM Ventures telah bekerjasama menganjurkan Program Akreditasi Profesional Pemindahan Teknologi dengan sokongan Kumpulan Industri-Kerajaan Malaysia Untuk Teknologi Tinggi (MIGHT) serta Persatuan Pengurus Inovasi dan Teknologi (ITMA). Program tersebut bermula pada November 2017 dan para peserta perlu menamatkan kursus dalam jangkamasa 12 bulan untuk menjadi ahli Persatuan Profesional Pemindahan Teknologi (ATTP). Ini merupakan program pertama seumpamanya yang memberi pengiktirafan kepada para profesional pemindahan teknologi di Malaysia.

• Accreditation of Technology Transfer Professionals Programme

In partnership with the British Council and Newton Ungku-Omar Fund (NUOF), PlaTCOM Ventures co-organised the Accreditation of Technology Transfer Professionals programme with the support from Malaysian Industry-Government Group for High Technology (MIGHT) and Innovation and Technology Managers Association (ITMA). The programme kicked off in November 2017 and participants were expected to complete a course spanning over 12 months onto becoming members of the Association of Technology Transfer Professionals (ATTP). Upon completion, they will be internationally recognised as Registered Technology Transfer Professionals (RTTP). The programme is the first-of-its-kind to provide recognition for technology transfer professionals in Malaysia.

PERANCANGAN MASA DEPAN

2017 merupakan tahun yang cemerlang bagi PlaTCOM Ventures dari segi pencapaian dan perkembangan. Ia telah mencapai dan melangkaui sasaran pencapaian HIP2 dan telah berjaya mengadakan Pameran Kejayaan HIP2 buat pertama kalinya. Divisyen Harta Intelek & Pengkomersilan turut melepas angka sasaran keuntungan dan telah mencatat pencapaian yang baru. PlaTCOM Ventures juga telah melibatkan diri untuk dua kerjasama antarabangsa iaitu UK-Malaysia Innovation Challenge dan French-Malaysia Innovation Challenge.

Bagi tahun 2018, PlaTCOM Ventures akan berusaha memenuhi sasaran pencapaian dan terus menaikkan semangat HIP2 dan berkembang menjadi organisasi yang lebih baik dalam membantu program HIP2. PlaTCOM Ventures akan bekerjasama secara berterusan di peringkat antarabangsa dan mempromosikan inovasi merentasi sempadan. PlaTCOM juga ingin bekerjasama dengan lebih ramai pihak berkepentingan dalam ekosistem inovasi Malaysia melalui kerjasama erat dalam membantu PKS Malaysia. Divisyen Harta Intelek & Pengkomersilan akan mengembangkan portfolio dalam menyediakan lebih banyak perkhidmatan bernilai tambah yang signifikan kepada perniagaan inovatif di seluruh Malaysia dan rantau ini.

MOVING FORWARD

2017 has been a really good year for PlaTCOM Ventures in terms of performance and growth. The company has achieved and exceeded all HIP2 performance targets and successfully organised the first ever HIP2 Success Showcase. The Intellectual Property & Commercialisation division surpassed their target revenue numbers and has set a new benchmark. PlaTCOM Ventures also engaged in two international collaborations namely, the UK-Malaysian Urban Innovation Challenge and the French-Malaysian Innovation Challenge.

For 2018, PlaTCOM Ventures will strive to deliver on the performance targets and continue to engulf the spirit of HIP2 within PlaTCOM as the organisation expands resources to better support HIP2. PlaTCOM Ventures will continue to work on international collaborations which have successfully promoted innovations beyond borders and PlaTCOM looks forward to working with more stakeholders in the Malaysian innovation ecosystem via the formation of fruitful collaborations to help support Malaysian SMEs. PlaTCOM's Intellectual Property & Commercialisation Division will further expand their service portfolio to provide many value-added services that will be instrumental to innovative businesses across Malaysia and in the region.



PORTAL JAWATAN KUASA PELABURAN DANA AWAM (JKPDA)

Jawatan Kuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) ditugaskan untuk memacu penstrukturkan dan memperkasa pembiayaan awam bagi penyelidikan dan pembangunan, pengkomersilan dan inovasi (R,D,C&I) yang dipacu oleh kerjasama sekretariat antara AIM dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi.

JKPDA bertujuan untuk memperkasa ekosistem inovasi Malaysia dengan menghasilkan pengeluaran R,D,C & I bertaraf dunia melalui pengenalan mekanisma memudah cara, pemantauan dan penilaian pertama di negara dalam mencapai Wawasan 2020 dan aspirasi masa depan.

Misi utamanya adalah untuk memberi kemudahan dan mengelakkan pertindihan pembiayaan dan pemecahan pembiayaan inovasi untuk awam dengan usaha-usaha yang akan memastikan pematuhan R,D,C&I kepada pertumbuhan bidang-bidang utama dan sektor-sektor terfokus. Ia juga bertujuan untuk menerapkan usaha-usaha kerjasama antara kementerian dan agensi serta inisiatif bagi penjanaan kekayaan daripada aktiviti-aktiviti R,D,C&I dan memperkuat inisiatif 'quadruple helix' oleh AIM.

Jawatankuasa tersebut terdiri daripada wakil-wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Unit Perancang Ekonomi, AIM dan 14 kementerian lain. Kementerian- kementerian tersebut adalah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Kementerian Kewangan, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Pertahanan, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kerja Raya, Kementerian Kesihatan, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar, dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

JAWATAN KUASA PELABURAN DANA AWAM (JKPDA) PORTAL


Jawatankuasa Pelaburan Dana Awam (JKPDA) is tasked to drive the restructuring and strengthening of public funding for research and development, commercialisation and innovation (R,D,C&I) driven by a co-secretariat partnership between AIM and MOSTI.

JKPDA aims to strengthen Malaysia's innovation ecosystem by churning out world class R,D,C&I output via the establishment of the country's first facilitation, monitoring and evaluation mechanism in order to achieve vision 2020 and future aspirations.

Its main mission is to facilitate and to avoid funding duplication and fragmentation of public innovation funding by streamlining efforts and also ensure R,D,C&I adherence to Malaysia's growth priority areas and sectorial focus. It is also to instill ministerial and agencies collaborative efforts and initiatives for wealth creation from R,D,C&I activities and strengthening AIM's quadruple helix initiatives.

The committee comprises representatives from the Prime Minister's Department, Economic Planning Unit, AIM and 14 Ministries. The ministries are; Ministry of Science, Technology and Innovation, Ministry of Finance, Ministry of Education, Ministry of International Trade and Industry, Ministry of Plantation Industries and Commodities, Ministry of Human Resources, Ministry of Defence, Ministry of Communication and Multimedia, Ministry of Agriculture & Agro-Based Industry, Ministry of Youth and Sports, Ministry of Works, Ministry of Health, Ministry of Natural Resources and Environment and Ministry of Rural and Regional Development.




JKPDA JOURNEY
 JAWATANKUASA PELABURAN DANA AWAM


Di bawah JKPDA, laman web dan ekosistem platform pembiayaan, JKPDA Portal telah dirangka untuk menyediakan Smart Tools atas talian, kepakaran, penyelidikan dan pembangunan kemudahan, serta peluang rangkaian berpusat bagi kerjasama pengkomersilan (www.JKPDA.gov.my)


Under JKPDA, a funding eco-system platform and website, JKPDA Portal was set up to provide online Smart Tools, expertise, research and development facilities, as well as focused networking opportunities for potential commercialisation collaborations to happen. (www.JKPDA.gov.my)

JKPDA Smart Tool telah dibangunkan atas nasihat ahli akademik dan para pakar, pengkaji, peneraju industri, pelabur, usahawan, agensi kerajaan, dan dibina melalui maklumat luas dalam sektor sosial. Smart Tool ini menyediakan saluran kepada maklumat yang pelbagai mengenai R,D,C&I dan memberi bantuan kepada perniagaan dan perkembangan idea inovatif sebagai sebahagian daripada inisiatif keseluruhan dalam membina ekonomi yang mampan serta mempunyai impak sosial.

Daripada tahun 2014 hingga 2018, JKPDA telah memantau projek dan program R,D,C&I bernilai lebih RM8.09 billion bersama 14 kementerian dan 47 agensi yang membantu proses tersebut sejumlah 689 projek dan program telah dinilai, diikuti dengan 500 projek bernilai RM6.59 billion telah disokong oleh JKPDA.

The JKPDA Portal Smart Tools are built on the expert advice of academicians, researchers, captains of industries, investors, entrepreneurs, government agencies, and draws on an invaluable wealth of information in the social sector. These Smart Tools provide channels to various information on R, D, C&I and provide assistance to businesses, while growing innovative ideas as part of the overall initiative to build a sustainable economy with social impact.

From 2014 until 2018, JKPDA monitored R,D,C&I projects and programmes worth RM8.09 billion across 14 ministries and 47 agencies. A total of 689 projects and programmes were evaluated, with 500 projects worth RM6.59 billion supported by JKPDA.



PERANCANGAN MASA DEPAN

Sejak dilancarkan pada tahun 2014, JKPDA telah memainkan peranan yang signifikan sebagai satu pengurusan bajet nasional yang bekerja rapat dengan Unit Perancang Ekonomi Malaysia. Setiap peruntukan pembiayaan yang dipohon untuk R,D,C&I daripada kementerian dan agensi di Malaysia perlulah melalui JKPDA.

JKPDA bukan sahaja sebuah jawatankuasa penyelarasan dan penyelesaian, malah ia juga merupakan mekanisma Pemantauan dan Penilaian R,D,C&I negara sejak enam tahun yang lalu dalam menyokong ekosistem inovasi Malaysia.

Bagi platform JKPDA, tarikh yang disasarkan bagi pembangunan fasa seterusnya adalah pembangunan platform (Fasa 3) pada akhir 2020 dan dijangka akan memberi bantuan signifikan R,D,C&I dalam strategi Data Raya untuk ekonomi digital negara yang berkembang pesat.

MOVING FORWARD

Since JKPDA was launched in 2014, it has played a significant role as a national budget process attached to the Economic Planning Unit of Malaysia. All funding allocations requests for R,D,C&I from the ministries and agencies in Malaysia are required to go through JKPDA.

JKPDA is not just a clearing house committee, but it is also the country's R,D,C&I Monitoring and Evaluation mechanism for the past six years supporting Malaysia's Innovation ecosystem.

For the JKPDA platform, the targeted completion date for the next phase of the platform development (Phase 3) is by the end of 2020 and is expected to lend substantial support to R,D,C&I in Big Data strategies for the country in an era of digital economy.



PELABURAN STRATEGIK

Pada tahun 2017, inisiatif Pelaburan Strategik Agensi Inovasi Malaysia (AIM) diteruskan dengan pelaburan berfokus dalam syarikat-syarikat sedia ada dan syarikat-syarikat kerjasama baru bagi memastikan lebih nilai dapat dijana daripada teknologi tinggi serta produk dan perkhidmatan yang baru dibangunkan. Berikut adalah pelaburan-pelaburan yang telah dilakukan sehingga kini:



KLSMC Stem Cell Sdn Bd (KLSMC-SC)

Kerjasama transpasifik yang signifikan telah dimeterai pada 5 Ogos 2016 dengan majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Antara Stanford University di Palo Alto, Amerika Syarikat (US) dan KLSMC-SC.

Melalui usahasama ini, KLSMC-SC mensasarkan Stanford Health Care – yang merupakan hospital pelatih universiti tersebut – menjadi salah sebuah institut ujian klinikalnya di Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, KLSMC-SC akan bekerjasama dengan Standford University untuk membangunkan lagi teknologi penjanaan semula *peripheral blood stem cells* (PBSC) dan menyediakan solusi novel bagi kecederaan muskuloskeletal.

Dengan pelaburan susulan daripada AIM, sebagai langkah pertama bagi pelancaran ujian klinikal Fasa IIb di pelbagai pusat, hospital penyelidikan di Malaysia telah pun mengenalpasti 35 pesakit. Selain daripada Stanford Health Care, lokasi ujian klinikal kedua di Amerika Syarikat – Andrews Orthopaedic and Sports Medicine Centre (AOSMC) – kini bersedia menerima pesakit bagi ujian Fasa IIb. AOSMC telah berjaya melengkapkan kajian perintis dengan 10 sukarelawan, yang telah membuktikan fasiliti mereka berupaya untuk menghasilkan semula, mengekstrak, dan menyimpan PBSC.



Bioven International Sdn Bhd (Bioven)

Dengan kewujudan hospital penyelidikan pertama yang telah dirasmikan pada Mei 2015 di Malaysia, lebih daripada 20 pesakit telah pun direkrut di peringkat global dalam fasa akhir ujian klinikal pelbagai pusat IIIb BV-NSCLC-002 (BVN002) peringkat global.

STRATEGIC INVESTMENTS

In 2017, Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Strategic Investment initiative continued with focused investments in its existing and new joint venture companies to ensure that further value could be secured from these companies with high technology and ground breaking products and services. The following are some notable investments to date:

KLSMC Stem Cell Sdn Bhd (KLSMC-SC)

A significant transpacific collaboration was sealed on 5 August, 2016 with the signing of a Memorandum of Understanding (MoU) between the notable Stanford University in Palo Alto, USA and KLSMC-SC.

Through this partnership, KLSMC-SC aims to have Stanford Health Care - which is the university's training hospital - as one of its clinical investigative sites in the United States. At the same time, KLSMC-SC will collaborate with Stanford University to further develop the peripheral blood stem cells (PBSC) regeneration technology and provide novel solutions for other musculoskeletal injuries.

With the follow-on investment from AIM to mark the first step of launching the Phase IIb multicentre trial, the investigative site in Malaysia had successfully recruited a total of 35 patients. Subsequently, apart from Stanford Health Care, the second clinical site in USA - Andrews Orthopaedic and Sports Medicine Centre (AOSMC) - is ready for enrolment in the multicentre Phase IIb trial. AOSMC had completed a 10-volunteer pilot study, the results of which confirmed their facility can safely reproduce, harvest, process and store PBSC.

Bioven International Sdn Bhd (Bioven)

Following the establishment of the first investigative site initiated in May 2015 in Malaysia, more than 20 patients were recruited globally in Bioven's late Phase IIIb BV-NSCLC-002 (BVN002) global multicentre trial.

Dengan dilengkapi kemudahan Immuno-Onkologi terkini di pasaran, Bioven telah melanjutkan pembangunan platform saluran IP daripada immunoterapi kanser berasaskan EGF bagi perawatan pesakit Non-Small Cells Lung Cancer (NSCLC), sehingga terapi gabungan EGF peringkat yang seterusnya. Ini akan meningkatkan penggunaan terapi monoklonal maju bagi NSCLC dan tumor pepejal yang lain.

Pada pertengahan suku ke-empat 2016, Bioven telah berjaya mendapatkan kelulusan daripada US Food and Drug Administration bagi ujian untuk BVN002 yang akan dijalankan di US. Kelulusan ujian ini akan membolehkan 30 pesakit tambahan direkrut di US, dan penyertaan mereka akan membantu pembangunan dan pemahaman mengenai immunoterapi berasaskan *Epidermal Growth Factors* (EGF).

Having equipped itself with the latest market trends in Immuno-Oncology, Bioven has extended its IP pipeline platform development from EGF-based cancer immunotherapy for treatment of Non-Small Cells Lung Cancer patients (NSCLC), to next-generation recombinant EGF Combination therapies. This will increase the adoption of more advanced monoclonal therapy for NSCLC and other solid tumors.

In the middle of Q4 2016, Bioven successfully obtained approval from the US Food and Drug Administration for trial on BVN002 to be conducted in the USA. This Investigational New Drug approval will allow an additional 30 patients to be recruited in the USA, and their participation will further enhance insight and understanding about Epidermal Growth Factors (EGF)-based immunotherapy.



MARDIL MEDICAL

Mardil Medical Inc. (Mardil)

Susulan ujian VenTouch Gen 1 First-In-Man (FIM) kepada pesakit dengan kegagalan jantung kritikal – yang dikenali sebagai *Functional Mitral Valve Regurgitation* (FMR) – pada tahun 2015, tenaga pakar saintifik Mardil telah membuat kajian mendalam bagi membangunkan VenTouch Gen II dari segi penambahbaikan keselamatan dan keberkesanannya.

Program kajian itu telah dijalankan ke atas dua kes dalam setiap Fasa I & II Acute Gen II Studies di Paraguay pada penghujung Ogos yang mana kesemua pesakit berjaya menjalankan prosedur dan peralatan tanpa sebarang komplikasi. Kedua-dua kajian tersebut merangkumi Fasa I Acute BOSS Study yang dijalankan bagi memahami kepelbagaiaan otot kapillari dan menilai konfigurasi ruang jantung yang berlainan. Sementara Fasa II Acute Gen II Study bertujuan untuk menilai prototaip peranti dalam persekitaran akut sebelum Kajian Kelayakan Awal (EFS)

Syarikat kini sedang dalam proses mendapatkan dana tambahan untuk kajian selanjutnya mengenai keberkesanannya dan keselamatan peranti terapi VenTouch™ Gen II di kalangan pesakit FMR yang lebih besar.

Mardil Medical Inc. (Mardil)

Further to the lessons learnt from VenTouch Gen I First-In-Man (FIM) trial in patients with severe heart failure condition - Functional Mitral Valve Regurgitation ("FMR") - in 2015, Mardil scientific team have been persistently working on developing VenTouch Gen II for efficacy and safety improvements.

Subsequently, the research program was tested with two cases each in Phase I & II Acute Gen II Studies in Paraguay at the end of August, where all patients tolerated the procedure and device with no adverse events. The two studies included Phase I Acute BOSS Study which was to understand papillary muscle variation and to evaluate different chamber configurations. While Phase II Acute Gen II Study is to evaluate prototype device in an acute setting before Early Feasibility Study (EFS)

The company is currently in the process of securing additional funds for further studies of the efficacy and safety of VenTouch™ Gen II therapy device in larger pool of FMR patients.





Efinix Inc. (Efinix)

Efinix yang telah ditubuhkan pada tahun 2012, adalah sebuah syarikat menghasilkan pemacu perisian yang boleh diprogramkan. Misi Efinix adalah inovasi untuk membawa perubahan dan mengadakan pasaran bagi platform dan teknologi produk yang boleh diprogramkan. Selepas kajian intensif, pembangunan serta perjumpaan dengan para pelanggan utama, Efinix telah berjaya menghasilkan teknologi Quantum™ yang boleh diprogramkan. Teknologi Quantum ini berupaya untuk memberikan kelebihan pada kadar 4X Power-Performance-Area yang lebih baik berbanding teknologi pemprograman tradisional. Teknologi ini juga membolehkan produk silikon diprogramkan dalam segmen ASIC, ASSP, dan FPGA.

Syarikat ini berpusat di Silicon Valley, Amerika Syarikat tetapi turut beroperasi di Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Malaysia.

Pada Jun 2014, AIM telah melaburkan USD1.0 juta dalam Efinix bagi melengkapkan pembangunan percubaan cip beta. Dalam proses untuk melengkapkan ujian cip tersebut, AIM telah menyalurkan USD2.0 juta kepada Efinix sebagai sebahagian daripada pembiayaan Siri A yang diperlukan oleh syarikat tersebut. Penilaian pasca Siri A adalah pada USD13.25 juta. Efinix juga telah berjaya mengumpul USD8.0 juta pembiayaan bagi Siri B pada tahun 2017 dengan nilai wang sebanyak USD32.0 juta. Para pelabur yang turut melabur termasuklah Samsung Ventures dan Xilinx Inc

Efinix Inc. (Efinix)

